



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
AGENSI NEGERI SERTA PENG AUDITAN PEMATUHAN  
JABATAN NEGERI

KEDAH


Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





ISSN 2811-4183



9 7 7 2 8 1 1 4 1 8 0 0 8

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara Malaysia  
Blok F2 & F3, Kompleks F  
Lebuh Perdana Timur, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 Putrajaya  
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>  
Emel: [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my)  
Tel: 603-8091 1000  
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Kuala Lumpur, 2021

Laman web: [www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
Emel: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel: 603-9236 6895  
Faks: 603-9222 4773



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN  
JABATAN NEGERI

KEDAH

---

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# KANDUNGAN



---

## KANDUNGAN

---

### PENDAHULUAN

ix

### BAHAGIAN I

#### PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Ringkasan Eksekutif	3
Pendahuluan	5
Objektif dan Metodologi Pengauditan	6
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	7

### BAHAGIAN II

#### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Ringkasan Eksekutif	11
Latar Belakang	13
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	13
Penyata Prestasi Kewangan	14
Kumpulan Wang Disatukan	15
Wang Awam	16
Akaun Hasil Disatukan	19
Akaun Pinjaman Disatukan	31
Akaun Amanah Disatukan	32
Penyata Akaun Memorandum	51
Akaun Belum Terima	54
Rumusan Audit	57
Syor Audit	58

**BAHAGIAN III**  
**PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

Ringkasan Eksekutif	61
Pendahuluan	63
Pengauditan Penyata Kewangan	63
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	64
Pemakaian Piawaian Perakaunan	65
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	66
Pembentangan Penyata Kewangan	76
Analisis Prestasi Kewangan	77
Rumusan Audit	78
Syor Audit	78

**BAHAGIAN IV**  
**PENGAUDITAN PEMATUHAN**

Ringkasan Eksekutif	81
Pengenalan	83
Pejabat Tanah Kubang Pasu	87
1. Pengurusan Hasil Cukai Tanah dan Tunggakan	

**BAHAGIAN V**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN**  
**MESUARAT JAWATANKUSA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	95
Mesuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	95

<b>PENUTUP</b>	99
----------------	----

**LAMPIRAN**

Lampiran I	-	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	103
Lampiran II	-	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	107

Lampiran III	-	Penyata Kedudukan Kewangan	108
Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	109
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	111
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	112
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	113
<b>AKRONIM</b>			129





# PENDAHULUAN



---

## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Kedah, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Kedah.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2020 serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:
  - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
  - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
  - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
  - iv. Pengauditan Pematuhan; dan
  - v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2020. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini di sebalik kekangan yang timbul akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 sehingga 2021.



**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**

**22 November 2021**



# **BAHAGIAN I**

## **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH**

**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**



## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **BAHAGIAN I**

#### **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

##### **Perkara Utama**

###### **Apa yang diaudit?**

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah disediakan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri berdasarkan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah tahun 2020 mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

###### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

**Apa yang ditemui Audit?** Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

- **Hal-Hal Lain**

Bagaimanapun, dua perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-Hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

- Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap *unreconciled items*. Pelarasan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat; dan
- menambah baik kawalan bagi kelulusan terhadap pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Pembayaran bagi bil-bil selain daripada bil tahun sebelumnya dan bil tanpa peruntukan hendaklah dibayar di bawah AP 59. Bil-bil sepatutnya dibuat bayaran segera dalam tempoh 14 hari selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 103.

## **BAHAGIAN I**

### **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

#### **FAKTA UTAMA**

<b>01.01.2020 - 31.12.2020</b>	<b>31 Julai 2021</b> Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	<b>31 Mac 2021</b> Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
<b>Komponen Penyata Kewangan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyata Kedudukan Kewangan</li><li>• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai</li><li>• Penyata Prestasi Kewangan</li><li>• Penyata Akaun Memorandum</li><li>• Nota Kepada Penyata Kewangan</li></ul>	
<b>Jenis Pendapat Audit</b>	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-Hal Lain	

#### **1. PENDAHULUAN**

1.1. Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan negeri disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berdasarkan perakaunan tunai ubah suai.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 kepada Jabatan Audit Negara pada **31 Mac 2021**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2020 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam yang mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri jangka panjang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2020. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil Negeri manakala liabiliti Kerajaan negeri adalah hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

## **2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2020. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit kepada pihak Perbendaharaan Negeri dan jabatan negeri sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan. Mesyuarat Pra Penutup bersama YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah dan Bendahari Negeri Kedah serta pegawai-pegawai Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri telah diadakan pada 27 Julai 2021. Mesyuarat Penutup pula bersama YB Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah serta pegawai-pegawai Kerajaan negeri telah diadakan pada 7 September 2021.

### **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan serta The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2020 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Bagaimanapun, dua perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-Hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

3.3.1. Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap *unreconciled items*. Pelarasan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.

3.3.2. menambah baik kawalan bagi kelulusan terhadap pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Pembayaran bagi bil-bil selain daripada bil tahun sebelumnya dan bil tanpa peruntukan hendaklah dibayar di bawah AP 59. Bil-bil sepatutnya dibuat bayaran segera dalam tempoh 14 hari selaras dengan AP 103.

3.4. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Kedah dan Bendahari Negeri Kedah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti dalam **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



## **BAHAGIAN II**

### **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**



### **BAHAGIAN II**

#### **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

##### **Perkara Utama**

###### **Apa yang diaudit?**

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

###### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah secara menyeluruh pada akhir tahun 2020, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

###### **Apa yang ditemui Audit?**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 ialah berjumlah RM357.08 juta, iaitu meningkat sebanyak RM36.60 juta (11.4%) berbanding RM320.48 juta pada akhir tahun 2019.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM54.42 juta. Kutipan hasil pada tahun 2020 ialah berjumlah RM560.66 juta, iaitu menurun sebanyak RM217.60 juta (28%) berbanding RM778.26 juta pada tahun 2019.
- Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri secara keseluruhannya menurun sebanyak RM8.83 juta (1.4%), iaitu daripada RM623.90 juta pada tahun 2019 kepada RM615.07 juta pada tahun 2020.
- Sejumlah RM121.44 juta telah dibelanjakan bagi projek pembangunan dan bekalan air Kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2020 berbanding RM335.68 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 1,017 projek yang dirancang, sebanyak 943 projek telah disiapkan sepenuhnya, 32 projek sedang dilaksanakan, 22 projek belum dimulakan dan 20 projek telah dibatalkan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM16.27 juta (7%), iaitu daripada RM232.84 juta pada tahun 2019 kepada RM216.57 juta pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM1.49 juta (1.8%) iaitu daripada RM83.37 juta pada tahun 2019 kepada RM81.88 juta pada tahun 2020.
- Baki Hutang Awam pada tahun 2020 ialah berjumlah RM2.662 bilion iaitu menurun sebanyak RM30.48 juta (1.1%) berbanding RM2.693 bilion pada tahun 2019. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM92.02 juta (7.4%) iaitu daripada RM1.244 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.336 billion pada tahun 2020.

## **BAHAGIAN II**

### **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

<b>PRESTASI KEWANGAN</b>	<b>FAKTA UTAMA</b>	<b>AKAUN MEMORANDUM</b>
<b>↓ HASIL</b>	<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>	<b>↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT</b>
<b>2020 – RM560.66 juta</b>	<b>2020 – (RM542.70 juta)</b>	<b>2020 – RM216.57 juta</b>
<b>2019 – RM778.26 juta</b>	<b>2019 – (RM488.28 juta)</b>	<b>2019 – RM232.84 juta</b>
<b>↓ BELANJA</b>	<b>↔ AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>	<b>↔ PELABURAN</b>
<b>2020 – RM615.07 juta</b>	<b>2020 - RM0</b>	<b>2020 – RM26.00 juta</b>
<b>2019 – RM623.90 juta</b>	<b>2019 - RM0</b>	<b>2019 – RM26.00 juta</b>
	<b>↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>	<b>↓ HUTANG AWAM</b>
	<b>2020 – RM899.78 juta</b>	<b>2020 – RM2.662 bilion</b>
	<b>2019 – RM808.76 juta</b>	<b>2019 – RM2.693 bilion</b>

#### **1. LATAR BELAKANG**

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020 juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan serta kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

#### **2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

### 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Prestasi kewangan Kerajaan negeri menunjukkan penurunan kerana mengalami kurangan keseluruhan berjumlah RM175.86 juta pada tahun 2020 berbanding kurangan berjumlah RM14.94 juta pada tahun 2019. Kurangan berjumlah RM175.86 juta adalah disebabkan kutipan hasil tahun semasa menurun sebanyak RM217.60 juta kepada RM560.66 juta pada tahun 2020 berbanding RM778.26 juta pada tahun 2019. Penurunan hasil ini menyebabkan kurangan tahun 2020 meningkat sebanyak RM160.92 juta (1,077.1%) menjadi RM175.86 juta berbanding kurangan sebanyak RM14.94 juta pada tahun 2019.

3.3. Kutipan hasil ini tidak dapat menampung perbelanjaan berjumlah RM736.52 juta, yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus berjumlah RM615.07 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM121.45 juta. Selain itu, termasuk dalam perbelanjaan mengurus adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM45.40 juta. Kurangan hasil dibiayai oleh Pinjaman Dalam Negeri berjumlah RM0.49 juta, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan berjumlah RM71.24 juta serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah berjumlah RM104.13 juta. Kedudukan prestasi kewangan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil	560.66	778.26	(217.60)	(28.0)
	Tolak:				
	Perbelanjaan Mengurus	615.07	623.90	(8.83)	(1.4)
	Perbelanjaan Pembangunan	121.45	169.30	(47.85)	(28.3)
<b>KURANGAN KESELURUHAN</b>		<b>(175.86)</b>	<b>(14.94)</b>	<b>(160.92)</b>	<b>1,077.1</b>
2.	Kurangan Dibiayai Oleh:				
	Pinjaman Dalam Negeri	0.49	5.61	(5.12)	(91.3)
	Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	71.24	71.53	(0.29)	(0.4)
	Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	104.13	(62.20)	166.33	(267.4)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>		<b>175.86</b>	<b>14.94</b>	<b>160.92</b>	<b>1,077.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

3.4. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri pada tahun 2020 adalah stabil walaupun Kerajaan negeri mengalami kurangan keseluruhan pada tahun 2020 berjumlah RM175.86 juta.

#### **4. KUMPULAN WANG DISATUKAN**

4.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 berjumlah RM357.08 juta. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah ini adalah dalam bentuk Wang Tunai berjumlah RM166.19 juta dan Pelaburan berjumlah RM190.89 juta. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM36.60 juta (11.4%), iaitu daripada RM320.48 juta pada tahun 2019 kepada RM357.08 juta pada tahun 2020. Punca peningkatan antaranya disebabkan oleh peningkatan dalam Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM91.02 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2  
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN  
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	<b>Akaun Hasil Disatukan</b>	<b>(542.70)</b>	<b>(488.28)</b>	<b>(54.42)</b>	<b>11.1</b>
2.	<b>Akaun Pinjaman Disatukan</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	-	-
	<b>Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:</b>	<b>899.78</b>	<b>808.76</b>	<b>91.02</b>	<b>11.3</b>
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	303.71	224.98	78.73	35.0
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	(1,017.71)	(1,014.90)	(2.81)	0.3
3.	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	114.23	104.09	10.14	9.7
	iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,207.19	1,135.79	71.40	6.3
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	188.46	174.52	13.94	8.0
	c) Akaun Deposit	407.61	409.26	(1.65)	(0.4)
	<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>	<b>357.08</b>	<b>320.48</b>	<b>36.60</b>	<b>11.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima tahun menunjukkan trend peningkatan pada tahun 2017 dan menurun pada tahun 2018. Kumpulan Wang Disatukan kembali meningkat dengan ketara pada tahun 2019 dan terus meningkat pada tahun 2020. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2020 dan yang terendah adalah pada tahun 2016. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

**JADUAL 3**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BIL.	BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(557.21)	(593.26)	(642.64)	(488.28)	(542.70)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	1.94	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	625.96	747.18	717.21	808.76	899.78
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	133.68	200.20	243.88	224.98	303.71
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	(1,058.57)	(1,030.61)	(1,013.12)	(1,014.90)	(1,017.71)
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	116.65	113.40	130.19	104.09	114.23
	iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,075.60	1,117.41	1,126.81	1,135.79	1,207.19
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	187.32	238.95	134.51	174.52	188.46
	c) Akaun Deposit	304.96	308.03	338.82	409.26	407.61
	<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>	<b>70.69</b>	<b>153.92</b>	<b>74.57</b>	<b>320.48</b>	<b>357.08</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 hingga 2020

**CARTA 1**  
**TREND KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 hingga 2020

## 5. WANG AWAM

### 5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai dalam akaun semasa dan Deposit

Dalam Negeri iaitu simpanan tetap yang disimpan kurang daripada tiga bulan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
<b>WANG TUNAI</b>				
Wang Tunai Dalam Bank	166.11	123.30	42.81	34.7
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	0.0
Wang Tunai Dalam Tangan	0.08	0.28	(0.20)	(71.4)
<b>JUMLAH</b>	<b>166.19</b>	<b>123.58</b>	<b>42.61</b>	<b>34.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

5.1.2. Analisis Audit mendapati baki Wang Tunai menunjukkan peningkatan sebanyak RM42.61 juta (34.5%), iaitu daripada RM123.58 juta pada tahun 2019 kepada RM166.19 juta pada tahun 2020. Baki Wang Tunai Dalam Bank adalah termasuk sejumlah RM150 juta Deposit Dalam Negeri berjangka pendek. Baki Wang Tunai Dalam Bank meningkat sebanyak RM42.81 juta (34.7%) kepada RM166.11 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan baki wang tunai dalam akaun semasa sebanyak RM7.81 juta (94%) dan peningkatan Deposit Dalam Negeri berjangka pendek sebanyak RM35 juta (30.4%).

5.1.3. Wang Tunai Dalam Perjalanan berbaki sifar pada tahun 2020. Semakan lanjut mendapati kutipan secara dalam talian (online) berjumlah RM1.23 juta dan faedah pelaburan deposit dalam negeri sejumlah RM277,129 telah diterima pada tahun 2020 tetapi belum diperakaunkan. Perkara ini berlaku kerana terdapat kelemahan dalam kawalan dalaman terhadap penyediaan penyesuaian bagi bank yang terlibat.

### **Maklum Balas Perpendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 27 Julai 2021**

Kutipan secara atas talian sejumlah RM1.04 juta telah diperakaunkan pada tahun kewangan 2021 manakala baki sejumlah RM194,015 sedang dalam tindakan. Selain itu, faedah pelaburan berjumlah RM277,129 telah diperakaunkan pada tahun kewangan 2021.

## 5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan untuk melabur dalam mana-mana bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kerajaan negeri hanya terdiri daripada Pelaburan Am. Pelaburan Am adalah pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri. Pelaburan Saham terdiri daripada pelaburan dalam Kedah Islamic Asset Management Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad dan Petronas Dagangan Berhad. Deposit Dalam Negeri pula terdiri daripada simpanan tetap yang melebihi tiga bulan. Baki pelaburan Kerajaan negeri pada tahun 2020 berjumlah RM190.89 juta, iaitu menurun sebanyak RM6.01 juta (3.1%) berbanding RM196.90 juta pada tahun 2019. Kedudukan Pelaburan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5  
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a) Saham	16.59	16.59	0.00	0.0
i) Kedah Islamic Asset Management Berhad	4.72	4.72	0.00	0.0
ii) Malaysia Airports Holdings Berhad	9.35	9.35	0.00	0.0
iii) Petronas Dagangan Berhad	2.52	2.52	0.00	0.0
b) Deposit Dalam Negeri	174.30	180.31	(6.01)	(3.3)
<b>JUMLAH</b>	<b>190.89</b>	<b>196.90</b>	<b>(6.01)</b>	<b>(3.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

5.2.2. Analisis Audit mendapati keuntungan daripada Deposit Dalam Negeri menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.45 juta (8.7%) menjadi RM5.60 juta pada tahun 2020 berbanding RM5.15 juta pada tahun 2019. Dividen pelaburan saham pada tahun 2020 berjumlah RM1.27 juta terdiri daripada dividen saham Malaysia Airports Holdings Berhad berjumlah RM0.37 juta dan Petronas Dagangan Berhad berjumlah RM0.90 juta. Terdapat pengurangan sebanyak RM0.51 juta (28.6%) dividen pelaburan saham pada tahun 2020 berbanding 2019. Pendapatan daripada Pelaburan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6  
PENDAPATAN DARIPADA PELABURAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	PELABURAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham	1.27	1.78	(0.51)	(28.6)
2.	Deposit Dalam Negeri	5.60	5.15	0.45	8.7
	<b>JUMLAH</b>	<b>6.87</b>	<b>6.93</b>	<b>0.06</b>	<b>(0.9)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2020 dengan kurangan semasa berjumlah RM54.42 juta berbanding lebihan berjumlah RM154.36 juta pada tahun 2019. Kurangan ini berpunca daripada pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM45.40 juta walaupun terdapat kurangan hasil semasa sebanyak RM9.02 juta. Ini menyebabkan baki kurangan terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat sebanyak RM54.42 juta (11.1%) kepada RM542.70 juta pada tahun 2020 berbanding RM488.28 juta pada tahun 2019. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 7**.


**JADUAL 7**  
**KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
	<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>(488.28)</b>	<b>(642.64)</b>	<b>154.36</b>	<b>24.0</b>
	<b>Hasil</b>	<b>560.66</b>	<b>778.26</b>	<b>(217.60)</b>	<b>(28.0)</b>
1.	Hasil Cukai	244.10	259.19	(15.09)	(5.8)
2.	Hasil Bukan Cukai	139.77	165.72	(25.95)	(15.7)
3.	Terimaan Bukan Hasil	176.79	353.35	(176.56)	(50.0)
	<b>Perbelanjaan</b>	<b>569.68</b>	<b>559.62</b>	<b>10.06</b>	<b>1.8</b>
1.	Emolumen	224.43	220.21	4.22	1.9
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	127.95	137.60	(9.65)	(7.0)
3.	Aset	19.11	10.55	8.56	81.1
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	190.76	182.30	8.46	4.6
5.	Perbelanjaan Lain	7.43	8.96	(1.53)	(17.1)
	<b>Lebihan/(Kurangan) Hasil Semasa</b>	<b>(9.02)</b>	<b>218.64</b>	<b>(227.66)</b>	<b>(104.1)</b>
	<b>Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan</b>	<b>45.40</b>	<b>64.28</b>	<b>(18.88)</b>	<b>(29.4)</b>
	<b>Lebihan/(Kurangan) Semasa</b>	<b>(54.42)</b>	<b>154.36</b>	<b>(208.78)</b>	<b>(135.3)</b>
	<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>(542.70)</b>	<b>(488.28)</b>	<b>(54.42)</b>	<b>11.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

6.3. Analisis perbandingan bagi tahun 2016 hingga 2020 mendapati baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend menurun kecuali pada tahun 2019 seperti dalam **Carta 2**.

**CARTA 2**  
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN  
 PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 hingga 2020

#### 6.4. Hasil

Hasil Kerajaan negeri adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai adalah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Hasil Bukan Cukai adalah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula adalah terdiri daripada pelbagai pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan syarikat berkaitan kerajaan. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri menganggarkan kutipan hasil sejumlah RM701.94 juta. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip pada tahun 2020 berjumlah RM560.66 juta iaitu 79.9% daripada anggaran hasil seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2020 BERBANDING  
 ANGGARAN HASIL YANG DILULUSKAN**

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	KUTIPAN HASIL (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	322.11	244.10	75.8
2.	Hasil Bukan Cukai	235.50	139.77	59.4
3.	Terimaan Bukan Hasil	144.33	176.79	122.5
	<b>JUMLAH</b>	<b>701.94</b>	<b>560.66</b>	<b>79.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

#### 6.4.1. Kutipan Hasil Tahun 2020 Berbanding 2019


Hasil pada tahun semasa berjumlah RM560.66 juta, menurun sebanyak RM217.60 juta (28%) berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM778.26 juta seperti dalam **Jadual 9**. Prestasi kutipan hasil Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 menunjukkan trend peningkatan dan penurunan seperti dalam **Carta 3**.

**JADUAL 9**  
**KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	244.10	259.19	(15.09)	(5.8)
2.	Hasil Bukan Cukai	139.77	165.72	(25.95)	(15.7)
3.	Terimaan Bukan Hasil	176.79	353.35	(176.56)	(50.0)
	<b>JUMLAH</b>	<b>560.66</b>	<b>778.26</b>	<b>(217.60)</b>	<b>(28.0)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

**CARTA 3**  
**PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 hingga 2020

#### 6.4.2. Hasil Cukai

Hasil Cukai mencatatkan pungutan tertinggi dalam komponen hasil Kerajaan negeri pada tahun 2020 iaitu berjumlah RM244.10 juta (43.5%) daripada jumlah keseluruhan hasil. Hasil Cukai yang dipungut dalam tahun semasa mencatatkan penurunan sebanyak RM15.09 juta berbanding RM259.19 juta pada tahun 2019. Penurunan ketara

disebabkan oleh penurunan bayaran Tunggakan Cukai Tanah dan Cukai Tiket Wayang seperti dalam **Jadual 12**. Prestasi kutipan Hasil Cukai adalah 75.8% daripada anggaran yang ditetapkan berjumlah RM322.11 juta pada tahun 2020.

#### **6.4.3. Hasil Bukan Cukai**

Hasil Bukan Cukai pada tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak RM25.95 juta menjadi RM139.77 juta berbanding RM165.72 juta pada tahun 2019. Prestasi terimaan Hasil Bukan Cukai adalah 59.4% daripada anggaran yang ditetapkan berjumlah RM235.50 juta pada tahun 2020. Penurunan ketara disebabkan oleh penurunan kutipan Premium Tanah seperti dalam **Jadual 12**.

#### **6.4.4. Terimaan Bukan Hasil**

Terimaan Bukan Hasil telah mencatatkan penurunan sebanyak RM176.56 juta (50%) kepada RM176.79 juta pada tahun 2020 berbanding RM353.35 juta pada tahun 2019. Prestasi Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2020 adalah 122.5% daripada anggaran yang ditetapkan berjumlah RM144.33 juta. Penurunan ketara disebabkan oleh penurunan Pemberian dan Caruman Yang Lain dan Pemberian Kos Perkhidmatan Di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan seperti dalam **Jadual 12**.

#### **6.4.5. Hasil Utama**

Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Cukai Tanah, Premium Tanah, Pemberian Bayaran Bagi Membiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) bagi Jabatan Di Bawah Senarai Bersama, Caruman Untuk Pembayaran Pinjaman, Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk, Pemberian Dan Caruman Yang Lain dan Tanah (Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah). Hasil tersebut menyumbang sebanyak RM376.89 juta (67.2%) daripada keseluruhan hasil berjumlah RM560.66 juta pada tahun 2020 seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI**  
**PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN			
		2020		2019	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	175.91	31.4	174.78	22.5
2.	Premium Tanah	45.51	8.1	76.72	9.9
3.	Pemberian Bayaran Bagi Membiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) Bagi Jabatan di Bawah Senarai Bersama	37.51	6.7	37.73	4.8

BIL.	BUTIRAN	TAHUN			
		2020		2019	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
4.	Caruman untuk Pembayaran Pinjaman	31.74	5.7	-	-
5.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	30.36	5.4	30.03	3.9
6.	Pemberian dan Caruman yang Lain	30.00	5.4	32.85	4.2
7.	Tanah (Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah)	25.86	4.6	28.53	3.7
<b>JUMLAH</b>		<b>376.89</b>	<b>67.2</b>	<b>380.64</b>	<b>48.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

#### 6.4.6. Peningkatan dan Penurunan Hasil

Analisis Audit mendapati sebanyak 63 butiran hasil mengalami peningkatan sebanyak RM64.27 juta dan 72 butiran hasil mengalami penurunan sebanyak RM281.87 juta. Butiran hasil yang mengalami peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Jadual 12**.

**JADUAL 11**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA**  
**PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PERUBAHAN
				(RM Juta)	(%)	
<b>HASL CUKAI</b>						
1.	Lain-Lain Levi	14.43	9.84	4.59	46.6	Terimaan tertinggi oleh PTG daripada syarikat berjumlah RM5.64 juta.
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
2.	Premium Perhutanan	20.29	12.28	8.01	65.2	Pelesen membayar premium tahun semasa dan bayaran tunggakan bagi kawasan yang telah diluluskan.
3.	Faedah dan Hasil dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	10.39	5.16	5.23	101.4	Keuntungan yang telah diperolehi daripada pelaburan simpanan tetap jangka pendek dan simpanan tetap jangka panjang yang mana masing-masing berjumlah RM150 juta dan RM174.31 juta pada tahun 2020.
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
4.	Caruman untuk Pembayaran Pinjaman	31.74	0.00	31.74	100.0	Pada tahun 2019 terimaan ini telah diakaunkan di bawah Pemberian dan Caruman Yang Lain (82399). Terimaan ini adalah pelarasian baki pokok ke atas bayaran pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.
5.	Terimaan Daripada Anak Syarikat/Syarikat Berkait	6.70	0.60	6.10	1,016.7	Terimaan adalah termasuk terimaan bagi tahun 2019 yang diterima pada tahun 2020 sejumlah RM3.7 juta

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

**JADUAL 12**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020	2019	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PERUBAHAN
		(RM JUTA)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
<b>HASIL CUKAI</b>						
1.	Tunggakan Cukai Tanah	18.91	26.41	(7.50)	(28.4)	Individu/syarikat kurang membuat bayaran kerana kekangan kewangan akibat pandemik COVID-19.
2.	Cukai Tiket Wayang	2.88	10.39	(7.51)	(72.3)	Kutipan hasil menurun kerana penutupan semua pusat hiburan semasa perintah kawalan pergerakan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
3.	Premium Tanah	45.51	76.72	(31.21)	(40.7)	Penurunan berlaku antaranya disebabkan penangguhan/tiada bayaran premium oleh pemohon disebabkan oleh Pandemik COVID-19.
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
4.	Pemberian dan Caruman Yang Lain	30.00	232.85	(202.85)	(87.1)	Pemberian oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM30 juta berbanding RM200 juta pada tahun 2019.
5.	Pemberian Kos Perkhidmatan di atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan	22.14	29.32	(7.18)	(24.5)	Penurunan pemberian kerana penglibatan kakitangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek Kerajaan Persekutuan yang diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi tahun 2020.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

## 6.5. Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan iaitu Peruntukan DiRaja, Speaker Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Hutang Kerajaan dan Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah. Perbelanjaan Bekalan pula adalah perbelanjaan bagi membiayai aktiviti harian jabatan negeri.

### 6.5.1. Analisis Bajet Mengurus

#### a. Analisis Bajet Tahun 2020 Berbanding 2019

Pada tahun 2020, peruntukan perbelanjaan mengurus yang telah diluluskan oleh DUN ialah berjumlah RM759.49 juta, iaitu menurun sebanyak RM8.31 juta (1.1%) berbanding RM767.80 juta pada tahun 2019. Kedudukan peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**KEDUDUKAN PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN BAGI**  
**PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	(RM Juta)	%
<b>Peruntukan</b>				
i. Asal	759.49	767.78	(8.29)	(1.1)
ii. Tambahan Peruntukan	0.00	0.02	(0.02)	(100.0)
<b>Jumlah Peruntukan Mengurus</b>	<b>759.49</b>	<b>767.80</b>	<b>(8.31)</b>	<b>(1.1)</b>
Perbelanjaan Sebenar*	(615.07)	(623.90)	(8.83)	(1.4)
<b>Lebihan Peruntukan</b>	<b>144.42</b>	<b>143.90</b>	<b>0.52</b>	<b>0.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

Nota: (\*) - Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

**b. Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Peruntukan**

Perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2020 ialah berjumlah RM615.07 juta (81%) daripada jumlah yang diperuntukkan. Bagaimanapun, peratus perbelanjaan sebenar bagi Perkhidmatan dan Bekalan serta Perbelanjaan Lain adalah kurang daripada 80% disebabkan oleh sekatan perbelanjaan dan langkah penjimatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan negeri. Prestasi perbelanjaan mengurus berbanding peruntukan yang diluluskan pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR**  
**BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2020**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Emolumen	262.73	224.43	85.4
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	171.19	127.95	74.7
3.	Aset	21.39	19.11	89.3
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	291.82	236.15	80.9
5.	Perbelanjaan Lain	12.36	7.43	60.1
<b>JUMLAH</b>		<b>759.49</b>	<b>615.07</b>	<b>81.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

Nota : (\*) - Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

6.5.2. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri secara keseluruhannya menurun sebanyak RM8.83 juta (1.4%) iaitu daripada RM623.90 juta pada tahun 2019 kepada RM615.07 juta pada tahun 2020. Analisis Audit mendapati perbelanjaan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap; Perkhidmatan dan Bekalan; dan Perbelanjaan Lain menurun masing-masing sebanyak RM10.43 juta, RM9.65 juta dan RM1.53 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan pembelian Aset dan Emolumen pula masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak RM8.56 juta dan RM4.22 juta pada tahun 2020. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut maksud perbelanjaan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**KEDUDUKAN PERBELANJAAN MENGURUS**  
**MENGIKUT MAKSUD PERBELANJAAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	224.43	220.21	4.22	1.9
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	127.95	137.60	(9.65)	(7.0)
3.	Aset	19.11	10.55	8.56	81.1
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	236.15	246.58	(10.43)	(4.2)
5.	Perbelanjaan Lain	7.43	8.96	(1.53)	(17.1)
<b>JUMLAH</b>		<b>615.07</b>	<b>623.90</b>	<b>(8.83)</b>	<b>(1.4)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

Nota : (\*) - Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

### 6.5.3. Perubahan Perbelanjaan yang Ketara Tahun 2020 Berbanding 2019

Analisis Audit mendapati beberapa butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan dan penurunan berbanding perbelanjaan tahun 2019. Justifikasi bagi perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 16** dan **Jadual 17**.

**JADUAL 16**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN YANG KETARA**  
**PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN (RM Juta)	JUSTIFIKASI PERUBAHAN
<b>KOD OBJEK AM 10000</b>					
1.	Gaji dan Upahan	141.51	140.37	1.14	0.8

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PERUBAHAN
				(RM Juta)	(%)	
2.	Elauan dan Imbuhan Tetap	64.79	61.45	3.34	5.4	Peningkatan bayaran di bawah Kod Objek Lanjut 11101 Gaji Biasa Kakitangan Awam pada tahun 2020 sebanyak RM1.16 juta kepada RM137.15 juta berbanding RM135.99 juta.
3.	Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	9.63	7.98	1.65	20.7	Peningkatan bayaran Bantuan Khas Kewangan kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Kedah sebanyak RM2,000 seorang pada tahun 2020 berbanding RM1,750 pada tahun 2019.
<b>KOD OBJEK AM 30000</b>						
4.	Pinjaman Kepada Badan-Badan Berkanun	5.00	0.00	5.00	100.0	Pemberian Pinjaman Kerajaan Negeri Kedah kepada Permodalan Kedah Berhad sejumlah RM5 juta.
5.	Kenderaan dan Jentera dan Pembaikan Kenderaan	7.16	3.70	3.46	93.5	Peningkatan pembelian kenderaan baharu bagi kegunaan pelbagai Jabatan sebanyak RM7.64 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

**JADUAL 17**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN YANG KETARA**  
**PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PERUBAHAN
				(RM Juta)	(%)	
<b>KOD OBJEK AM 40000</b>						
1.	Pemberian Dalam Negeri	177.07	184.12	(7.05)	(3.8)	Pengurangan Pindahan Wang Pembangunan sebanyak RM45.40 juta pada tahun semasa berbanding RM64.28 juta pada tahun 2019.
2.	Ganjaran	1.01	9.98	(8.97)	(89.9)	Pengurangan bayaran ganjaran pencan anggota Ahli Dewan Undangan Negeri sebanyak RM0.87 juta pada tahun 2020 berbanding RM9.79 juta pada tahun 2019.
<b>KOD OBJEK AM 20000</b>						
3.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	6.42	9.56	(3.14)	(32.8)	Pengurangan ketara perbelanjaan berkaitan bayaran di bawah Kod Objek Lanjut 21102 Penginapan, Kod Objek Lanjut 21104 Elauan Perjalanan Bayaran Tambang Bas dan Teksi dan Kod Objek Lanjut 21106 Bayaran Kapal Terbang yang berjumlah RM4.75 juta pada tahun 2020 berbanding RM6.90 juta pada tahun 2019.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PERUBAHAN
				(RM Juta)	(%)	
4.	Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	57.72	66.33	(8.61)	(13.0)	Pengurangan ketara perbelanjaan berkaitan di bawah Kod Objek Lanjut 29199 Perkhidmatan Lain sebanyak RM6.78 juta pada tahun 2020 berbanding RM16.45 juta pada tahun 2019. Pengurangan ketara perbelanjaan di bawah Kod Objek Lanjut 29401 Makanan dan Minuman RM0.55 juta pada tahun 2020 berbanding RM3.01 juta pada tahun 2019.
<b>KOD OBJEK AM 50000</b>						
5.	Pulangan Balik dan Hapus Kira	2.86	5.26	(2.40)	(45.6)	Pengurangan Perbelanjaan di bawah Kod Objek Lanjut 5119 Pulangan Balik dan Hasil Lain-lain pada tahun 2020 sebanyak RM2.42 juta kepada RM2.80 juta berbanding RM5.22 juta pada tahun 2019.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

#### 6.5.4. Bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat mendapat kelulusan Bendahari Negeri. Jabatan hendaklah mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab-sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Sekiranya Bendahari Negeri mendapati sebab kelewatan diragui atau tiada baki peruntukan, kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri perlu diperoleh.
- b. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 13 Mei 2018 menetapkan supaya semua kementerian, jabatan atau agensi untuk mengemukakan permohonan bayaran AP 58(a) sebelum atau pada 30 Jun.
- c. Analisis Audit mendapati perbelanjaan di bawah AP 58(a) pada tahun 2020 berjumlah RM2.17 juta melibatkan 945 baucar bayaran di 27 pejabat/jabatan, menurun sebanyak RM0.25 juta berbanding RM2.42 juta pada tahun 2019 yang melibatkan 849 baucar bayaran. Daripada 27 jabatan/pejabat yang terlibat, 14 jabatan/pejabat menunjukkan peningkatan bayaran di bawah AP 58(a).

d. Pembayaran di bawah AP 58(a) melibatkan pelbagai jenis perbelanjaan iaitu bayaran elaun tuntutan perjalanan, pembayaran balik emolumen dan elaun-elaun dan imbuhan tetap, pembayaran pelarasan emolumen kepada Pegawai, tunggakan gaji kakitangan awam, pembayaran pelarasan tunggakan kenaikan gaji tahunan kakitangan, dan pembayaran tunggakan gaji bagi kakitangan ambilan baru. Pembayaran tersebut dibuat bagi bil/tuntutan diterima selepas penutupan akaun tahun 2019 dan baucar yang dikuiri pada bulan Disember 2019. Semua perbelanjaan tersebut telah mendapat kelulusan daripada YB Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri. Pembayaran di bawah AP 58(a) bagi tahun 2020 mengikut jabatan/pejabat seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2020 MENGIKUT JABATAN**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2020		2019		PERUBAHAN	
		JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	1.47	319	1.82	437	(0.35)	(19.2)
2.	Pejabat Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah	0.17	57	0.00	16	0.17	100
3.	Pejabat KDYMM Sultan Kedah	0.09	136	0.09	47	0.00	0.0
4.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah	0.06	43	0.03	13	0.03	100
5.	23 jabatan/pejabat Lain	0.38	390	0.48	292	0.10	(20.8)
<b>JUMLAH</b>		<b>2.17</b>	<b>945</b>	<b>2.42</b>	<b>849</b>	<b>(0.25)</b>	<b>(10.3)</b>

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2020

e. Analisis Audit terhadap pembayaran di bawah AP 58(a) mengikut jenis perbelanjaan pada tahun 2020 mendapat terdapat bil-bil bagi tahun sebelum tahun 2019 berjumlah RM29,988 yang melibatkan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan telah dibayar melalui AP 58(a) tahun 2020. Bayaran tersebut melibatkan bil tahun 2016 dan 2018 seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**BIL-BIL TAHUN SEBELUM TAHUN 2019 DIBAYAR MELALUI AP 58(a) TAHUN 2020**

PEJABAT	BAUCAR		PERIHAL	TARIKH BIL	JUMLAH (RM)
	NOMBOR	TARIKH			
Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	20AHBB0401842	25.10.2020	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	30.11.2018	7,800
	20AHBB0401867	27.10.2020	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	10.08.2018	7,800
	20AHBB0401899	28.10.2020	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	15.07.2018	2,800
	20AHBB0401896	28.10.2020	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	28.06.2016	7,600
	20AHBB0401927	28.10.2020	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	03.09.2018	3,061
	20AHBB0401922	28.10.2020	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	29.12.2018	927
<b>JUMLAH</b>					<b>29,988</b>

Sumber: Senarai Baucar Bayaran AP 58(a) Tahun 2020

- f. Berdasarkan sampel yang disemak, terdapat 46 baucar bayaran di bawah AP 58(a) berjumlah RM0.73 juta telah dibayar menggunakan peruntukan tahun 2020 walaupun baki peruntukan tahun 2019 tidak mencukupi seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**  
**PEMBAYARAN AP 58(a) TAHUN 2020 MELIBATKAN**  
**BAKI PERUNTUKAN TAHUN 2019 TIDAK MENCUKUPI**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	KOD OBJEK AM	BAKI PERUNTUKAN TAHUN 2019	AMAUN DIBAYAR MELALUI AP 58(a)	KURANGAN PERUNTUKAN
			(RM)	(RM)	(RM)
1.	Pejabat Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah	20000	81,300.39	166,679.43	(85,379.04)
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	20000	283,610.50	554,713.28	(271,102.78)
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	10000	3,393.23	3,720.61	(327.38)
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar	20000	5,643.43	5,930.04	(286.61)
<b>JUMLAH</b>			<b>373,947.55</b>	<b>731,043.36</b>	<b>(357,095.81)</b>

Sumber: Senarai Baucar Bayaran AP 58(a) Tahun 2020

- g. Analisis selanjutnya mendapati sebanyak 148 baucar bayaran berjumlah RM352,549 bagi 12 jabatan/pejabat yang membuat pembayaran di bawah AP 58(a) selepas bulan Jun 2020 seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**  
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) DIBUAT SELEPAS BULAN JUN 2020**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN BAUCAR	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat KDYMM Sultan Kedah	8	8,250
2.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	1	254
3.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	100	245,922
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah	1	18,025
5.	Jabatan Pertanian Negeri Kedah	2	264
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	22	45,610
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	7	8,874
8.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah	1	2,387
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar	2	671
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	2	1,828
11.	PLANMalaysia@Kedah (Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Kedah)	1	566
12.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah	1	19,894
<b>JUMLAH</b>			<b>148</b>
			<b>352,549</b>

Sumber: Senarai Baucar Bayaran AP 58(a) Tahun 2020

- h. Selain itu, analisis Audit juga mendapati sebanyak 27 baucar bayaran berjumlah RM56,657 telah dibayar melalui AP 58(a) bagi enam jabatan/pejabat merupakan bil-bil di antara bulan Januari sehingga Oktober 2019. Butiran Lanjut seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**PEMBAYARAN BIL DI ANTARA BULAN**  
**JANUARI HINGGA OKTOBER 2019 MELALUI AP 58(a) TAHUN 2020**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	16	35,337
2.	Jabatan Pertanian Negeri Kedah	4	2,271
3.	Jabatan Pengairan Negeri Kedah	2	369
4.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	2	1,828
5.	Pejabat Daerah Kota Setar	2	4,317
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	1	12,534
<b>JUMLAH</b>		<b>27</b>	<b>56,657</b>

Sumber: Senarai Baucar Bayaran AP 58 (a) Tahun 2020

- i. Sehingga 31 Mei 2021, sejumlah RM1.23 juta melibatkan 553 baucar bayaran bagi bil/tuntutan tahun 2020 di 24 jabatan/pejabat telah dibayar di bawah AP 58(a).

#### **6.5.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perpendaharaan 59**

Mengikut Arahan Perpendaharaan 59, pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barang atau perkhidmatan kepada kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai Kerajaan atau sebaliknya. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperoleh dan pembayaran ditanggungkan kepada akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sehingga siasatan selesai. Pada tahun 2020, tiada pembayaran yang dibuat di bawah AP 59.

### **7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

- 7.1. Akaun Pinjaman Disatukan Kerajaan Negeri Kedah mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek bagi Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Badan Berkanun Negeri dan Pelbagai. Selain itu, Akaun ini juga mengakaunkan pinjaman yang diagihkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

7.2. Sejumlah RM0.50 juta telah diterima dalam tahun semasa bagi pinjaman Bekalan Air dan keseluruhan pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2020. Kedudukan terimaan dan pindahan Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**  
**KEDUDUKAN TERIMAAN DAN PINDAHAN**  
**AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.00
Terimaan	0.50	5.61	(5.11)	(91.1)
Pindahan	0.50	5.61	(5.11)	(91.1)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2020 berjumlah RM899.78 juta, meningkat sebanyak RM91.02 juta (11.3%) berbanding RM808.76 juta pada tahun 2019. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 24**.


**JADUAL 24**  
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	<b>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</b>	<b>303.71</b>	<b>224.98</b>	<b>78.73</b>	<b>35.0</b>
	a) Kumpulan Wang Pembangunan	(1,017.71)	(1,014.90)	(2.81)	0.3
	b) Kumpulan Wang Bekalan Air	114.23	104.09	10.14	9.7
	c) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,207.19	1,135.79	71.40	6.3
2.	<b>Kumpulan Wang Amanah Awam</b>	<b>188.46</b>	<b>174.52</b>	<b>13.94</b>	<b>8.0</b>
3.	<b>Akaun Deposit</b>	<b>407.61</b>	<b>409.26</b>	<b>(1.65)</b>	<b>(0.4)</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>899.78</b>	<b>808.76</b>	<b>91.02</b>	<b>11.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

8.1. Peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Disatukan pada tahun 2020 sebanyak RM91.02 juta (11.3%) disumbangkan oleh peningkatan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM71.40 juta dan peningkatan Akaun Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak RM13.94 juta. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pula meningkat sebanyak RM78.73 juta (35%) menjadi RM303.71 juta pada tahun 2020 berbanding RM224.98 juta pada tahun 2019. Kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 4**.

**CARTA 4**  
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 hingga 2020

## 8.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan wang amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh DUN. Kumpulan wang amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

### 8.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada

pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan, Terimaan Balik Pinjaman daripada Agensi Negeri dan Sewa Rumah Awam Kos Rendah. Terdapat juga sumber kewangan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup dan Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**  
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(1,014.90)	(1,013.12)	(1.78)	0.2
Terimaan	116.65	135.81	(19.16)	(14.1)
Bayaran	119.45	137.59	(18.14)	(13.2)
Lebihan/Kurangan	(2.81)	(1.78)	(1.03)	57.9
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>(1,017.71)</b>	<b>(1,014.90)</b>	<b>(2.81)</b>	<b>0.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

- b. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 menurun sebanyak RM19.16 juta (14.1%) menjadi RM116.65 juta berbanding RM135.81 juta pada tahun 2019. Punca utama penurunan adalah disebabkan pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan berkurang sebanyak RM18.88 juta kepada RM45.40 juta pada tahun 2020 berbanding RM64.28 juta pada tahun 2019. Selain itu, terimaan Sewa Rumah Awam Kos Rendah juga menurun sebanyak RM1.15 juta menjadi RM3.56 juta pada tahun 2020 berbanding RM4.71 juta pada tahun 2019.
- c. Prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 berjumlah RM119.45 juta, menurun sebanyak RM18.14 juta (13.2%) berbanding RM137.59 juta pada tahun 2019. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

**JADUAL 26**  
**KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**  
**MENGIKUT JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	32.53	47.83	(15.30)	(32.0)
2.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah	43.55	32.35	11.20	34.6
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah	22.21	31.31	(9.10)	(29.1)

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
4.	Jabatan Pertanian Negeri Kedah	5.69	4.94	0.75	15.2
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	1.92	2.52	(0.60)	(23.8)
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	7.86	13.43	(5.57)	(41.5)
7.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	5.69	3.43	2.26	65.9
8.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah	0.00	1.78	(1.78)	(100.0)
<b>JUMLAH</b>		<b>119.45</b>	<b>137.59</b>	<b>(18.14)</b>	<b>(13.2)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

- d. Perbelanjaan tertinggi Kumpulan Wang Pembangunan melibatkan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah dan Jabatan Kerja Raya bagi pelaksanaan projek. Perbelanjaan ini termasuk Projek Kecil Kemajuan Luar Bandar sejumlah RM4.51 juta, Membina/Menaiktaraf Bangunan Kerajaan Negeri sejumlah RM5.61 juta, Projek Khas Pembangunan Pejabat Kewangan Negeri sejumlah RM8.08 juta, Projek Jalan dan Jambatan (TAHAP) sejumlah RM4.87 juta serta Projek-Projek Jalan Negeri sejumlah RM13.5 juta.
- e. Secara keseluruhannya, perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020 bagi projek yang dirancang berjumlah RM119.45 juta (66.3%) daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM180.21 juta. Jabatan Pertanian Negeri Kedah telah membelanjakan sebanyak 96.8% daripada peruntukan yang diluluskan, iaitu yang tertinggi daripada lapan jabatan. Selain itu, tujuh jabatan lain membelanjakan antara 47.3% hingga 94.8% daripada peruntukan yang diluluskan pada tahun 2020. Prestasi perbelanjaan pembangunan tahun 2020 berbanding peruntukan diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 27**.

**JADUAL 27**  
**PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**  
**TAHUN 2020 BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	47.34	32.53	68.7
2.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah	62.80	43.55	69.3
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah	46.96	22.21	47.3
4.	Jabatan Pertanian Negeri Kedah	5.88	5.69	96.8
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	2.25	1.92	85.3

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	8.98	7.86	87.5
7.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	6.00	5.69	94.8
8.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah	*0.00	0.00	-
<b>JUMLAH</b>		<b>180.21</b>	<b>119.45</b>	<b>66.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

Nota:(\*)Token berjumlah RM20

- f. Baki kurangan terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2020 meningkat sebanyak RM2.81 juta (0.3%) kepada RM1.018 bilion berbanding RM1.015 bilion pada tahun 2019.

### 8.2.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

- a. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1), Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Akta 230). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan pengurusan bekalan air, pembayaran balik pinjaman dan perbelanjaan pembangunan bekalan air sama ada bayaran secara langsung atau secara pinjaman. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Jabatan Bekalan Air Negeri Kedah telah dikorporatkan pada bulan Januari 2010 dan menjadi entiti yang berasingan daripada Kerajaan negeri. Perbelanjaan yang diperakaunkan dalam Kumpulan Wang Bekalan Air merupakan bayaran penyelesaian bagi projek pembangunan yang dilaksanakan sebelum pengkorporatan serta projek yang dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

**JADUAL 28**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR KERAJAAN NEGERI**  
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	104.09	130.19	(26.10)	(20.0)
Terimaan	12.13	5.61	6.52	116.2
Bayaran	1.99	31.71	(29.72)	(93.7)
Lebihan/ (Kurangan)	10.14	(26.10)	(15.96)	(61.2)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>114.23</b>	<b>104.09</b>	<b>10.14</b>	<b>9.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

- b. Terimaan semasa Kumpulan Wang Bekalan Air berjumlah RM12.13 juta, meningkat sebanyak RM6.52 juta (116.2%) berbanding RM5.61 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan terdapat pelarasan kontra sebanyak RM11.64 juta di antara Akaun Deposit Bekalan Air dan Akaun Tunggakan Hasil Air JBA oleh Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 4 Mac tahun 2020. Perbelanjaan Pembangunan Projek Bekalan Air pada tahun 2020 pula berjumlah RM1.99 juta, menurun sebanyak RM29.72 juta (93.7%) berbanding perbelanjaan tahun 2019 berjumlah RM31.71 juta.

### **8.2.3. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan dan Bekalan Air RMKe-11**

- a. Bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2020 berjumlah RM335.68 juta melibatkan lapan jabatan. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah menerima dua peruntukan perbelanjaan iaitu di bawah projek pembangunan dan bekalan air. Perbelanjaan bagi projek pembangunan dan bekalan air pada tahun 2020 ialah berjumlah RM121.44 juta (6.2%) daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 29**.

**JADUAL 29**  
**PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RMKe-11**

BIL.	JABATAN / PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN SEMASA	PERUNTUKAN DILULUSKAN	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>PEMBANGUNAN</b>					
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	350	47.34	32.53	68.7
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah	5	62.80	43.55	69.3
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah	46	46.96	22.21	47.3
4.	Jabatan Pertanian Negeri Kedah	419	5.88	5.69	96.8
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	73	2.25	1.92	85.3
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	96	8.98	7.86	87.5
7.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	11	6.00	5.69	94.8
8.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah	0	*0.00	0.00	-
<b>BEKALAN AIR</b>					
9.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah	17	155.47	1.99	1.3
<b>JUMLAH</b>		<b>1,017</b>	<b>335.68</b>	<b>121.44</b>	<b>36.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

Nota: (\*) -Token berjumlah RM20

b. Pada tahun 2020, sebanyak 1,017 projek telah dirancang bagi lapan jabatan. Sebanyak 943 projek telah siap dilaksanakan dan mengikut jadual, 32 projek sedang dilaksanakan, 22 projek belum dimulakan dan 20 projek telah dibatalkan. Status pelaksanaan projek setakat 31 Disember 2020 adalah seperti dalam **Jadual 30** dan **Carta 5**.


**JADUAL 30**  
**STATUS PELAKSANAAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2020**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK	STATUS PELAKSANAAN PROJEK			
			*SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA	BATAL
<b>PEMBANGUNAN</b>						
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	350	316	24	10	-
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah	5	5	-	-	-
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah	46	40	1	5	
4.	Jabatan Pertanian Negeri Kedah	419	419	0	-	-
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	73	50	6	-	17
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	96	92	1	-	3
7.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	11	11	0	-	-
8.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah	0	-	0	-	-
<b>BEKALAN AIR</b>						
9.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah	17	10	-	7	-
<b>JUMLAH</b>		<b>1,017</b>	<b>943</b>	<b>32</b>	<b>22</b>	<b>20</b>

Sumber: Maklum Balas Jabatan

Nota: (\*) - Termasuk Peruntukan Token RM20

**CARTA 5**  
**PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2020**



Sumber: Maklum Balas Jabatan

- c. Sehingga akhir tahun 2020, sebanyak 22 projek pembangunan masih belum dimulakan bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah seperti dalam **Jadual 31**.

**JADUAL 31**  
**STATUS PROJEK PEMBANGUNAN BELUM MULA PADA TAHUN 2020**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
<b>PEMBANGUNAN</b>					
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	Membina/Menaiktaraf Pejabat Agama/Mahkamah Syariah	1	3.30	Pengubahsuaian dan naiktaraf pejabat MAIK belum mendapat keputusan muktamad oleh YTM Raja Muda Kedah dan peruntukan akan dibawa ke tahun 2021.
		Projek Pelancongan	5	3.50	Kerajaan Negeri telah membuat sekatan perbelanjaan.
		Projek Peningkatan Pendapatan dan Kemakmuran Rakyat	3	0.50	Projek ditangguh kerana tidak mendapat kelulusan untuk berbelanja daripada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.
		Kajian Pembangunan Ekonomi	1	0.20	Kerajaan Negeri telah membuat sekatan perbelanjaan.
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah	Projek-Projek Jalan Negeri	5	34.98	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran Muktamad Perunding tidak dapat diperakurkan pada tahun 2020 disebabkan kelewatan pengesahan Perakuan Muktamad Kontrak.</li> <li>• <i>Supplement Agrement</i> dalam semakan Pejabat Penasihat Undang-Undang.</li> <li>• Projek masih dalam peringkat reka bentuk.</li> <li>• Perintah kawalan pergerakan 1.0 yang membataskan perlaksanaan kerja-kerja ditapak bina.</li> </ul>
<b>BEKALAN AIR</b>					
3.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah	Menaiktaraf Loji Rawatan Air Pelubang	1	40.00	Masih Dalam Proses Perolehan
		Menaiktaraf Loji Rawatan Air Jenun Baru	1	20.00	
		Menaiktaraf Loji Rawatan Air Bukit Selambau	1	20.00	
		Menaiktaraf Loji Rawatan Air Sungai Limau	1	20.00	
		Pembangunan Bekalan Air Langkawi	1	0.00	Token RM10.00
		Menaiktaraf Loji Rawatan Air Lubuk Buntar Lama	1	20.00	Masih Dalam Proses Perolehan
		Projek Menaiktaraf Sistem Pengelapan Padang Mat Sirat Langkawi	1	6.00	
<b>JUMLAH</b>		<b>22</b>	<b>168.48</b>		

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2020 dan Maklum Balas Jabatan

d. Selain itu, terdapat 20 projek pembangunan di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pengairan dan Saliran telah dibatalkan. Senarai projek yang dibatalkan adalah seperti dalam **Jadual 32**.

**JADUAL 32**  
**PROJEK YANG DIBATALKAN TAHUN 2020**

BIL.	JABATAN	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)	SEBAB BATAL
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	Program Peningkatan Pembangunan dan Pengeluaran Bahan Makanan	2	30,000	Kerja penyelenggaraan tidak dilakukan dan arahan MKN latihan/kursus tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP/PKPD/PKPB.
		Pembangunan Industri Ternakan Ruminan	3	60,000	Tidak mendapat kelulusan jawatankuasa pemberian insentif dan arahan MKN lawatan tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP/PKPD/PKPB.
		Pembangunan Sumber Manusia	6	71,000	Arahan MKN latihan/kursus tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP/PKPD/PKPB dan promosi menerusi ekspos serta pameran dibatalkan.
		Pembangunan Industri Tenusu	3	22,000	Arahan MKN latihan/kursus tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP/PKPD/PKPB dan tiada peralatan dan kepakaran tempatan.
		Pembangunan Sistem Maklumat dan Penyampaian Perkhidmatan	2	19,990	Bengkel tidak dapat dilaksanakan.
		Pembangunan Industri Aneka Haiwan	1	5,000	Promosi Menerusi Ekspos dan Pameran Dibatalkan
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	Program Kesedaran Alam Sekitar dan Bersepadu	3	50,000	Permohonan Pelaksanaan Program Tidak Diluluskan Oleh Pejabat Kewangan Negeri.
<b>JUMLAH</b>			<b>20</b>	<b>257,990</b>	

Sumber: Maklum Balas Jabatan

#### 8.2.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2020, baki kumpulan wang ini meningkat sebanyak RM71.40 juta (6.3%) kepada RM1.207 bilion berbanding RM1.136 bilion pada tahun 2019. Sebahagian besar peningkatan disebabkan pertambahan baki Akaun Pelbagai Kumpulan Wang sebanyak RM72.74 juta kepada RM1.111 bilion berbanding RM1.039 bilion pada tahun 2019.

Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

**JADUAL 33**  
**KEDUDUKAN BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	91.15	92.39	(1.24)	(1.3)
2.	Akaun Perniagaan	1.31	1.20	0.11	9.2
3.	Akaun Pinjaman	3.47	3.68	(0.21)	(5.7)
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	1,111.26	1,038.52	72.74	7.0
<b>JUMLAH</b>		<b>1,207.19</b>	<b>1,135.79</b>	<b>71.40</b>	<b>6.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

#### a. Akaun Penyelesaian - Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan

Baki Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM87 juta, tidak berubah berbanding tahun 2019. Tiada terimaan dan bayaran yang dibuat pada tahun 2020. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah diberi kelulusan penangguhan bayaran balik pendahuluan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 13 Mei 2020.

#### b. Akaun Penyelesaian - Penyelesaian Cek Terbatal

Akaun Penyelesaian Cek Terbatal menurun sebanyak RM1 juta (38.5%) kepada RM1.60 juta pada tahun 2020 berbanding RM2.60 juta pada tahun 2019. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah RM1.58 juta cek yang tidak ditunaikan/dituntut oleh penerima melebihi setahun melibatkan tahun 2015 hingga 2018 seperti dalam **Jadual 34**.

**JADUAL 34**  
**JUMLAH CEK TERBATAL MELEBIHI SATU TAHUN**

BIL.	TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
1.	2015	0.80
2.	2016	0.18
3.	2017	0.24
4.	2018	0.36
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>1.58</b>

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

### c. Akaun Penyelesaian Bayaran Pendaftaran Hak Milik Strata

Akaun ini diwujudkan bagi mengakaunkan terimaan daripada pemaju perumahan bagi kos pendaftaran dan pengeluaran hak milik strata dan upah ukur dan penyediaan pelan hak milik strata oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kedah (JUPEM). Hasil ini dikutip bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Baki akaun ini pada 31 Disember 2020 berjumlah RM172,015 belum diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Bayaran terakhir yang telah dibuat ialah pada tahun 2013.

### d. Pelbagai Kumpulan Wang - Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

- i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah diwujudkan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii. Pada tahun 2020, baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah berjumlah RM1.091 bilion, meningkat sebanyak RM72.75 juta (7.1%) berbanding RM1.018 bilion pada tahun 2019. Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 berjumlah RM259.64 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM186.89 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 35**. Peningkatan disebabkan oleh perbelanjaan yang dibuat hanya 72% daripada jumlah terimaan pada tahun 2020.

**JADUAL 35**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN**  
**JALAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,018.51	977.90	40.61	4.2
Terimaan	259.64	255.00	4.64	1.8
Bayaran	186.89	214.39	(27.50)	(12.8)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>1,091.26</b>	<b>1,018.51</b>	<b>72.75</b>	<b>7.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

- iii. Berdasarkan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), jalan-jalan negeri pada akhir tahun 2020 adalah sepanjang 14,710.68 kilometer, berkurang 380.32 kilometer berbanding 15,091 kilometer pada tahun 2019. Pengurangan adalah disebabkan oleh proses pemutihan data yang dilakukan pada tahun 2020.
- iv. Prestasi perbelanjaan berbanding terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah antara 72% hingga 96.6% seperti dalam **Jadual 36 dan Carta 6**.


**JADUAL 36**  
**PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING TERIMAAN**  
**DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020**

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGgunaan (%)
2016	892.33	397.63	384.08	905.88	96.6
2017	905.88	382.11	352.36	935.63	92.2
2018	935.63	543.55	501.28	977.90	92.2
2019	977.90	255.00	214.39	1,018.51	84.1
2020	1,018.51	259.64	186.89	1,091.26	72.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 hingga 2020

Nota: Terimaan dan perbelanjaan tahun 2016 hingga 2018 termasuk transaksi bukan tunai di Penyata SPEKS/iSPEKS

**CARTA 6**  
**PRESTASI PERBELANJAAN KUMPULAN WANG AMANAH**  
**PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

### 8.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri dan tidak boleh terlebih dikeluarkan. Kedudukan baki bagi 41 akaun melibatkan sepuluh Pegawai Pengawal di Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM188.46 juta berbanding RM174.52 juta pada akhir tahun 2019. Peningkatan adalah sebanyak RM13.94 juta (8.0%) seperti dalam **Jadual 37**. Peningkatan ini disebabkan Akaun Amanah Tabung Kumpulan Wang Amanah Unit Pengurusan dan Pemasaran Lot Melayu meningkat sebanyak RM12.89 juta kepada RM44.31 juta pada tahun 2020 berbanding RM31.42 juta pada tahun 2019. Analisis Audit mendapati sebanyak 11 akaun amanah menunjukkan peningkatan, 18 akaun amanah mengalami penurunan, sembilan akaun amanah tidak berubah dan tiga akaun amanah baharu dibuka.

**JADUAL 37**  
**KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM**  
**MENGIKUT JABATAN TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019**

BIL.	JABATAN/PEGAWAI PENGAWAL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	112.35	112.88	(0.53)	(0.5)
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah	44.31	31.42	12.89	41.0
3.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	17.77	18.73	(0.96)	(5.1)
4.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah	6.03	6.03	0.00	0.0
5.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah	4.31	4.38	(0.07)	(1.6)
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	0.47	0.47	0.00	0.0
7.	Pejabat KDYMM Sultan Kedah	0.20	0.25	(0.05)	(20.0)
8.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	0.21	0.24	(0.03)	(12.5)
9.	PLANMalaysia@Kedah (Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Kedah)	0.11	0.12	(0.01)	(8.3)
10.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah	2.70	0.24	2.70	100.0
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>188.46</b>	<b>174.52</b>	<b>13.94</b>	<b>8.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

#### 8.3.1. Akaun Amanah Baharu

Pada tahun 2020, tiga Akaun Amanah baharu dibuka di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957, yang dikendalikan oleh tiga jabatan. Baki Akaun Amanah tersebut pada akhir tahun 2020 berjumlah RM10.41 juta. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 38**.

**JADUAL 38**  
**AKAUN AMANAH BAHARU TAHUN 2020**

BIL.	NAMA AKAUN AMANAH/PEGAWAI PENGAWAL	TUJUAN PENUBUHAN	BAKI (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Memperakaunkan semua terimaan dan sumbangan serta perbelanjaan yang dibenarkan bagi maksud Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman.	7.71
2.	Akaun Amanah Dana Pusingan Bagi Kerja Pembaikan Utiliti Di Negeri Kedah Darul Aman Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah	Memperakaunkan semua terimaan, perbelanjaan daripada sumber pemberian oleh agensi-agensi utiliti awam dan swasta seperti Tenaga Nasional Berhad(TNB), Telekom Malaysia Berhad(TM), Syarikat Air Darul Aman(SADA), Indah Water Konsortium(IWK), CELCOM, DIGI, MAXIS, Time.com, Gas Malaysia dan lain-lain agensi untuk digunakan khusus bagi membiayai kerja-kerja membaik pulih jalan atau infrastruktur di dalam rizab jalan yang tidak dijalankan pembaikan dengan sempurna oleh agensi utiliti yang berkenaan.	2.70
3.	Akaun Amanah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Pejabat KDYMM Sultan Kedah Darul Aman	Mengurus serta mengakaun semua terimaan, perbelanjaan dan bayaran bagi hal-hal yang berkaitan seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman.	0.00
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>			<b>10.41</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

### 8.3.2. Penutupan Akaun Amanah

Pada tahun 2020, terdapat tiga akaun amanah yang tidak aktif telah ditutup. Baki dua akaun amanah berjumlah RM240,023.79 dikreditkan ke hasil manakala baki Akaun Amanah Satu Masjid berjumlah RM12,485.05 telah dipindahkan ke Akaun Amanah Wakaf Tunai Pembinaan Masjid di bawah kawalan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 39**.

**JADUAL 39**  
**PENUTUPAN AKAUN AMANAH TAHUN 2020**

BIL.	NAMA AKAUN AMANAH/PEGAWAI PENGAWAL	BAKI DIKREDITKAN KE HASIL (RM)	BAKI DIPINDAHKAN KE AKAUN AMANAH LAIN (RM)
1.	Akaun Amanah IMT-GT Liason Secretariat Negeri Kedah	238,736.60	-
2.	Akaun Satu Bulan Satu Masjid	-	12,485.05
3.	Akaun Amanah Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negeri Kedah(JITU)	1,287.19	-
<b>JUMLAH</b>		<b>240,023.79</b>	<b>12,485.05</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

### 8.3.3. Akaun Amanah State Secretary Incorporated (SSI)

- a. Tujuan penubuhan Akaun Amanah SSI adalah untuk melaksanakan aktiviti, acara dan program berkaitan kemasyarakatan. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, baki akaun ini pada tahun 2020 menurun sebanyak RM4.03 juta (13.1%) kepada RM26.69 juta berbanding RM30.72 juta pada tahun 2019 seperti dalam **Jadual 40**.

**JADUAL 40**  
**BAKI AKAUN AMANAH SSI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	30.72	9.23	21.49	232.8
Terimaan	2.63	27.13	(24.50)	(90.3)
Bayaran	6.66	5.64	1.02	18.1
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>26.69</b>	<b>30.72</b>	<b>(4.03)</b>	<b>(13.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

- b. Terimaan pada tahun 2020 berjumlah RM2.63 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM6.66 juta. Empat sumber terimaan tertinggi adalah dividen saham Petronas Dagangan Berhad berjumlah RM0.90 juta, hasil pembalakan di kawasan tanah SSI berjumlah RM0.40 juta, pajakan tanah milik SSI di Bandar Bedong berjumlah RM0.37 juta dan dividen pelaburan saham Malaysia Airport Holdings Berhad berjumlah RM0.37 juta. Perbelanjaan yang dibuat pada tahun 2020 antaranya adalah seperti dalam **Jadual 41**.

**JADUAL 41**  
**SEBAHAGIAN PERBELANJAAN AKAUN AMANAH SSI PADA TAHUN 2020**

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Pemberian kepada Kerajaan negeri	1.00
2.	Sumbangan bantuan kewangan untuk pembayaran tanggungan belum selesai INSPIN dan Kedah Institute Of Management Sdn. Bhd.	0.68
3.	Pemberian sumbangan kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan dan AJK SSI bagi menangani penularan wabak Covid-19 di Negeri Kedah	0.19
4.	Pemberian sumbangan khas kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan dan AJK SSI sempena menyambut Ramadan	0.18
5.	Sumbangan Khas bagi menangani wabak Covid-19 untuk Pegawai Daerah Kota Setar, Pegawai Daerah Kuala Muda, Tabung Kebajikan Sukan Dan Sosial PDRM dan lain-lain	0.18
6.	Bayaran honorarium tahun 2020 kepada AJK pengurusan, urusetia dan kakitangan SSI	0.13
7.	Pembaharuan perlindungan Insuran Bangunan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah	0.13
8.	Perkhidmatan membekal dan menghantar cenderahati Aidilfitri 1441H YB. SUK Negeri Kedah	0.13
9.	Pemberian sumbangan khas Aidilfitri kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah	0.12
10.	Bayaran khas Aidilfitri kepada AJK pengurusan, urusetia dan kakitangan SSI	0.11

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM Juta)
11.	Pelarasan pendahuluan diri bagi sumbangan Aidilfitri tahun 2020 kepada kakitangan kumpulan sokongan, syarikat pembersihan, syarikat penyelenggaraan dan pelajar praktikal.	0.09
12.	Sumbangan kepada Pegawai-pejawai Daerah bagi program Inovasi Sosial (9 Daerah)	0.09
13.	Pemberian bantuan kewangan untuk bayaran kakitangan INSPIN dan bayaran elauan RELA Kedah Institute Of Management Sdn Bhd	0.08
14.	Pemberian saguhati lawatan Tahun 2020 kepada Pengerusi, AJK, dan Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan SSI	0.08
<b>JUMLAH</b>		<b>3.19</b>

Sumber: Rekod Jabatan

#### 8.3.4. Akaun Amanah Menteri Besar Incorporated (MBI)

- a. Tujuan penubuhan Akaun Amanah MBI adalah untuk melaksanakan aktiviti, acara, program berkaitan kemasyarakatan dan perbelanjaan yang diluluskan oleh YAB Menteri Besar. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, kedudukan baki Akaun Amanah MBI pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM0.67 juta meningkat sebanyak RM0.53 juta (378.6%) berbanding RM137,345 pada tahun 2019. Terimaan pada tahun 2020 berjumlah RM2.21 juta manakala bayaran berjumlah RM1.68 juta. Baki akaun amanah ini pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 42**.

**JADUAL 42**  
**BAKI AKAUN AMANAH MBI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.14	0.03	0.11	366.7
Terimaan	2.21	1.73	0.48	27.8
Bayaran	1.68	1.62	0.06	3.7
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>0.67</b>	<b>0.14</b>	<b>0.53</b>	<b>378.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

- b. Perbelanjaan tertinggi bagi Akaun Amanah MBI adalah seperti dalam **Jadual 43**.

**JADUAL 43**  
**SEBAHAGIAN PERBELANJAAN BAGI AKAUN AMANAH MBI**

BIL.	PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran perkhidmatan membekal 500ml <i>hand sanitizer</i> bagi kegunaan petugas dan agensi yang terlibat dalam pandemik COVID-19	0.45
2.	Bayaran perkhidmatan membekal 100,000 unit <i>face mask</i> bagi kegunaan petugas dan agensi yang terlibat dalam pandemik Covid-19	0.17
3.	Pendahuluan bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti bantuan makanan kering, pembelian <i>face mask</i> , <i>hand sanitizer</i> , perbelanjaan makan dan minum petugas serta bayaran bantuan kepada mangsa ribut.	0.15
<b>JUMLAH</b>		<b>0.77</b>

Sumber: Rekod Jabatan

### **8.3.5. Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH)**

Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Seksyen 9(3) Akta Acara Kewangan 1957, bertujuan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi Akaun Amanah KWPH adalah melalui kutipan ses kayu balak. Kedudukan baki Akaun Amanah KWPH pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM17.77 juta, menurun sebanyak RM0.96 juta atau 5.1% berbanding RM18.73 juta pada tahun 2019. Baki Akaun Amanah ini pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 44**.

**JADUAL 44**  
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH KWPH**  
**PADA TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	18.73	19.25	(0.52)	(2.7)
Terimaan	3.00	2.88	0.12	4.2
Bayaran	3.96	3.40	0.56	16.5
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>17.77</b>	<b>18.73</b>	<b>(0.96)</b>	<b>(5.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

- a. Selaras dengan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957, Kumpulan Wang Pembangunan Hutan hendaklah diakaunkan di bawah Akaun Amanah Kerajaan. Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara menghendaki akaun ini dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 31 Disember 2020, akaun amanah ini masih dilaporkan di bawah Akaun Amanah Awam.

### **Maklum Balas Perpendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 27 Julai 2021**

Cadangan pindaan Akaun Amanah KWPH di bawah Seksyen 9 kepada Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2020. Mulai tahun kewangan 2021 akaun KWPH akan diakaunkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Seksyen 10.

- b. Perbelanjaan tertinggi bagi Akaun Amanah KWPH adalah bayaran kerja-kerja memotong rumput di 11 kawasan hutan lipur di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah berjumlah RM1.04 juta, bayaran penyelenggaraan dan pembersihan kawasan hutan lipur berjumlah RM1.02 juta dan bayaran membekal

dan menghantar bot bagi tujuan pemantauan hutan paya laut di Hutan Simpan Merbok dan Langkawi berjumlah RM198,500. Sebahagian perbelanjaan tertinggi bagi Akaun Amanah KWPH seperti dalam **Jadual 45**.

**JADUAL 45**  
**PERBELANJAAN TERTINGGI BAGI AKAUN AMANAH KWPH**

BIL.	PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran Kerja-Kerja Memotong Rumput di 11 Kawasan Hutan Lipur di Bawah Pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.	1.04
2.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Pembersihan di 11 Kawasan Hutan Lipur	1.02
3.	Bayaran Membekal dan Menghantar Bot Bagi Tujuan Pemantauan Hutan Paya Laut di Hutan Simpan Merbok dan Langkawi.	0.20
4.	Bayaran Menjalankan Kerja-Kerja Restorasi Hutan Bagi Kawasan Ceroboh di Kompartmen 11, Hutan Simpan Koh Moi Daerah Kedah Utara.	0.09
5.	Bayaran Menjalankan Kerja-Kerja Memasang Batu Sangkar (Gabion) di Kawasan Runtuhan Tanah Serta Kerja Berkaitan Di Hutan Lipur Lata Bayu, Baling.	0.02
<b>JUMLAH</b>		<b>2.37</b>

Sumber: Rekod Jabatan Tahun 2020

### **8.3.6. Peruntukan dan Perbelanjaan Akaun Amanah Berkaitan COVID-19**

- a. Pada tahun 2020, peruntukan bagi pandemik COVID-19 yang diterima di bawah Akaun Amanah Sumbangan Pembangunan dan Kebajikan Negeri Kedah Darul Aman, Akaun Amanah SSI dan Akaun Amanah MBI ialah berjumlah RM17.64 juta. Analisis Audit mendapati peruntukan tersebut diterima daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM15 juta, sumbangan daripada Ahli MMK sejumlah RM0.55 juta, pindahan dari akaun amanah yang lain sejumlah RM1.90 juta dan sumbangan daripada awam sejumlah RM190,000. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM16.59 juta daripada tiga akaun amanah tersebut bagi menangani pandemik COVID-19 di negeri Kedah. Perincian peruntukan dan perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti dalam **Jadual 46**.

**JADUAL 46**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BERKAITAN COVID-19**

BIL.	AKAUN AMANAH	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Sumbangan Pembangunan dan Kebajikan Negeri Kedah Darul Aman	15.74	14.72
2.	Akaun Amanah State Secretary Incorporated (SSI)	-	0.62
3.	Akaun Amanah Menteri Besar Incorporated (MBI)	1.90	1.25
<b>JUMLAH</b>		<b>17.64</b>	<b>16.59</b>

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Tahun 2020

- b. Perbelanjaan daripada akaun amanah ini antaranya digunakan untuk memberi bantuan wang tunai secara *one-off* kepada golongan yang terjejas, bantuan makanan kepada pelajar institusi pengajian tinggi dan bantuan kepada pelajar serta

guru Sekolah Agama Rakyat (SAR). Selain itu, peruntukan tersebut turut dibelanjakan untuk membekal makanan dan minuman, pensanitasi tangan dan topeng muka kepada petugas dan agensi yang terlibat dalam pandemik COVID-19.

#### **8.4. Akaun Deposit**

8.4.1. Akaun Deposit merupakan wang yang diterima bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Pada akhir tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai 21 Akaun Deposit yang diselenggara oleh 26 jabatan/pejabat. Kedudukan baki deposit pada tahun 2020 telah menurun sebanyak RM1.66 juta (0.4%) kepada RM407.26 juta berbanding RM409.26 juta pada tahun 2019 seperti dalam **Jadual 47**. Penurunan disebabkan Deposit Am yang mengalami penurunan sebanyak RM13.17 juta daripada RM216.32 juta pada tahun 2019 kepada sebanyak RM203.15 juta pada tahun 2020. Bagaimanapun Deposit Khusus meningkat sebanyak RM9.33 juta kepada RM201.69 juta pada tahun 2020 berbanding RM192.36 juta pada tahun 2019.

**JADUAL 47**  
**KEDUDUKAN BAKI DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	JENIS DEPOSIT	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	203.15	216.32	(13.17)	(6.1)
2.	Deposit Khusus	201.69	192.36	9.33	4.9
3.	Deposit Pelarasaran	2.76	0.58	2.18	375.9
<b>JUMLAH</b>		<b>407.60</b>	<b>409.26</b>	<b>(1.66)</b>	<b>(0.4)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

8.4.2. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit hendaklah diwartakan. Sehingga 31 Disember 2020, terdapat tujuh Akaun Deposit yang berbaki RM292.33 juta masih tidak dituntut, melibatkan pendeposit dari tahun 1960 hingga 2019 seperti dalam **Jadual 48**. Deposit yang boleh dikembalikan tetapi masih tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah diambil tindakan pewartaan.

**JADUAL 48**  
**DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT DARI TAHUN 1960 HINGGA 2019**

BIL.	JENIS DEPOSIT	TAHUN TIDAK DITUNTUT	BAKI DEPOSIT (RM Juta)
1.	Deposit Tanah	1966-2019	165.69
2.	Deposit Tender	1989-2019	110.89
3.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	2000-2019	8.51
4.	Deposit Am Jabatan Negeri	1991-2019	3.42
5.	Deposit Galian	1960-2019	1.65

BIL.	JENIS DEPOSIT	TAHUN TIDAK DITUNTUT	BAKI DEPOSIT (RM Juta)
6.	Deposit Royalti Kayu Kayan	2003-2019	1.62
7.	Deposit Bon Jaminan Mahkamah Syariah	1978-2019	0.67
<b>JUMLAH</b>			<b>292.33</b>

Sumber: Senarai Deposit Pelbagai Jabatan

### **Maklum Balas Perbendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 26 Julai 2021**

Tindakan telah diambil dengan memaklumkan kepada jabatan yang terlibat supaya mengenal pasti deposit yang boleh diwartakan dan seterusnya mengambil tindakan perwartaan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 162.

## **9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam.

### **9.1. Memorandum Aset**

#### **9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut**

- a. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan negeri kepada Agensi negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Permodalan Kedah Berhad (PKB). Sumber pinjaman kepada PKNK diperoleh menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan manakala pinjaman kepada PKB adalah daripada Kerajaan negeri. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM16.27 juta (7%), iaitu daripada RM232.84 juta pada tahun 2019 kepada RM216.57 juta pada tahun 2020 seperti dalam **Jadual 49**.

**JADUAL 49  
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT  
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	AGENSI	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	211.57	232.84	(21.27)	(9.1)
2.	Permodalan Kedah Berhad	5.00	0.00	5.00	100
<b>JUMLAH</b>		<b>216.57</b>	<b>232.84</b>	<b>(16.27)</b>	<b>(7.0)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

## b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi

Pada 31 Disember 2020, kedudukan baki tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi berjumlah RM81.88 juta menurun sebanyak RM1.49 juta (1.8%) berbanding RM83.37 juta pada tahun 2019. PKNK sepatutnya membayar balik ansuran pinjaman kepada Kerajaan negeri berjumlah RM105.96 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM22.59 juta dan tunggakan tahun 2019 berjumlah RM83.37 juta. Bagaimanapun, hanya RM24.08 juta bayaran balik pinjaman termasuk faedah telah diterima pada tahun 2020. Kedudukan tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi kepada Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 50**.

**JADUAL 50**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN**  
**BAYARAN BALIK PINJAMAN AGENSI PADA AKHIR TAHUN 2020**

AGENSI	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	ANUITI TAHUN SEMASA (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	83.37	22.59	30.47	24.08	81.88

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2020

### 9.1.2. Pelaburan

- a. Pada akhir tahun 2020, Kerajaan negeri memiliki saham dalam lima syarikat berjumlah RM26 juta, tidak berubah berbanding tahun 2019. Kedudukan pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 seperti dalam **Jadual 51**.

**JADUAL 51**  
**KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI**  
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	SYARIKAT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	0.00	-
2.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	1.50	1.50	0.00	-
3.	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	-
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	-
5.	UNISHAMS Sdn. Bhd. (Dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd.)	20.00	20.00	0.00	-
<b>JUMLAH</b>		<b>26.00</b>	<b>26.00</b>	<b>0.00</b>	<b>-</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

- b. Kedudukan pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 52**.

**JADUAL 52**  
**KEDUDUKAN PELABURAN SAHAM BAGI TAHUN 2016 HINGGA TAHUN 2020**

BIL.	SYARIKAT	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
1.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50
2.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	1.50	1.50	1.50	1.50	1.50
3.	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	0.50	0.50	0.50	1.00	1.00
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	0.60	1.00	1.00	1.00	1.00
5.	UNISHAMS Sdn. Bhd.	10.50	20.00	20.00	20.00	20.00
<b>JUMLAH</b>		<b>15.60</b>	<b>25.50</b>	<b>25.50</b>	<b>26.00</b>	<b>26.00</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 hingga 2020

- c. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 tiada dividen diterima daripada kesemua pelaburan tersebut.

## 9.2. Memorandum Liabiliti

### 9.2.1. Hutang Awam

- a. Kerajaan negeri telah meminjam daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2020, baki hutang awam berjumlah RM2.662 bilion, menurun sebanyak RM30.48 juta (1.1%) berbanding RM2.693 bilion pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM39.51 juta yang terdiri daripada RM31.74 juta bayaran pokok dan RM7.77 juta bayaran faedah. Kedudukan baki Hutang Awam Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 53**.

**JADUAL 53**  
**KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM**  
**KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,834.83	1,834.33	0.50	0.0
2.	Pelbagai	411.43	421.54	(10.11)	(2.4)
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	247.87	268.42	(20.55)	(7.7)
4.	Perumahan Awam Kos Rendah	167.92	168.24	(0.32)	(0.2)
<b>JUMLAH</b>		<b>2,662.05</b>	<b>2,692.53</b>	<b>(30.48)</b>	<b>(1.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

b. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2020 berjumlah RM1.336 bilion, meningkat sebanyak RM92.02 juta (7.4%) berbanding RM1.244 bilion pada tahun 2019. Peningkatan sebanyak RM79.27 juta tunggakan hutang Rancangan Bekalan Air adalah melibatkan anuiti tahun semasa dan tiada pembayaran balik hutang berkenaan dilaksanakan oleh Kerajaan negeri. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada 31 Disember 2020 adalah seperti dalam **Jadual 54**.

**JADUAL 54**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM**  
**KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,019.79	940.52	79.27	7.8
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	109.04	109.49	(0.45)	(0.4)
3.	Pelbagai	105.68	98.27	7.41	7.0
4.	Perumahan Awam Kos Rendah	101.60	95.81	5.79	5.7
<b>JUMLAH</b>		<b>1,336.11</b>	<b>1,244.09</b>	<b>92.02</b>	<b>7.4</b>

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2020

## 10. AKAUN BELUM TERIMA

10.1. Pada akhir tahun 2020, Akaun Belum Terima berjumlah RM257.13 juta, meningkat sebanyak RM3.32 juta (1.3%) berbanding RM253.81 juta pada tahun 2019. Punca utama peningkatan adalah tunggakan pinjaman pendidikan sebanyak RM20.03 juta dan peningkatan tunggakan hasil pejabat tanah sebanyak RM12.90 juta (11.1%). Kedudukan baki Akaun Belum Terima pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 55**.

**JADUAL 55**  
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN BELUM TERIMA**  
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	JABATAN/PEJABAT/SYARIKAT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah	129.42	116.52	12.90	11.1
2.	Bahagian Perumahan SUK	65.86	63.75	2.11	3.3
3.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (Jabatan Bekalan Air)	35.32	52.59	(17.27)	(32.8)
4.	Pinjaman Pendidikan	20.03	0.00	20.03	100.0
5.	Pejabat Daerah	4.75	19.26	(14.51)	(75.3)
6.	Perbadanan Menteri Besar Kedah	1.50	1.50	0.00	0.0
7.	JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	0.11	0.11	0.00	0.0
8.	Jabatan-Jabatan Lain	0.14	0.08	0.06	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>257.13</b>	<b>253.81</b>	<b>3.32</b>	<b>1.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020

10.2. Tuggakan hasil pejabat tanah menunjukkan peningkatan sebanyak RM12.90 juta (11.1%) kepada RM129.42 juta berbanding RM116.52 juta pada tahun 2019. Pejabat Tanah Kuala Muda dan Pejabat Tanah Kulim menunjukkan peningkatan Akaun Belum Terima masing-masing sebanyak RM6.88 juta dan RM1.99 juta. Peningkatan tuggakan disebabkan pengurangan pembayaran cukai tanah oleh syarikat-syarikat yang terkesan dengan pandemik Covid-19 walaupun jabatan telah memberi kelonggaran pembayaran boleh dibuat sehingga bulan Oktober 2020. Selain itu, terdapat dua akaun baharu yang menyumbang kepada peningkatan tuggakan di Pejabat Tanah Kulim berjumlah RM7.1 juta. Kedudukan tuggakan cukai tanah pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 56**.

**JADUAL 56**  
**KEDUDUKAN TUGGAKAN CUKAI TANAH**  
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	PEJABAT TANAH	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kuala Muda	51.11	44.23	6.88	15.6
2.	Kulim	26.98	24.99	1.99	8.0
3.	Kubang Pasu	15.34	13.97	1.37	9.8
4.	Kota Setar	13.84	12.08	1.76	14.6
5.	Pendang	6.10	5.63	0.47	8.4
6.	Langkawi	3.73	3.17	0.56	17.7
7.	Baling	2.97	2.76	0.21	7.6
8.	Padang Terap	2.95	3.88	(0.93)	(24.0)
9.	Sik	2.27	2.00	0.27	13.5
10.	Pokok Sena	2.07	1.92	0.15	7.8
11.	Yan	1.42	1.27	0.15	11.8
12.	Bandar Baharu	0.64	0.62	0.02	3.2
<b>JUMLAH</b>		<b>129.42</b>	<b>116.52</b>	<b>12.90</b>	<b>11.1</b>

Sumber: Rekod Pejabat Tanah

10.3. Tuggakan sewa rumah di Bahagian Perumahan SUK meningkat sebanyak RM2.11 juta (3.3%) kepada RM65.86 juta berbanding RM63.75 juta pada tahun 2019. Tuggakan ini terdiri daripada hasil sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Tuggakan hasil PPR dan PAKR masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.20 juta dan RM0.90 juta.

10.4. Tuggakan hasil air bagi Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) menurun sebanyak RM17.27 juta kepada RM35.32 juta pada tahun 2020 berbanding sebanyak RM52.59 juta tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh kelulusan cadangan kontra di antara Kerajaan negeri dan SADA bagi Tuggakan Hasil Air, Pendahuluan Kerajaan Negeri dan Kutipan Hasil Air oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) melalui Kertas No.7 (F)104/2020 yang bersidang pada 4 Mac 2020.

10.5. Tunggakan pinjaman pendidikan yang berjumlah RM20.03 juta adalah tunggakan hasil baharu bagi tahun 2020. Akaun amanah ini diwujudkan pada 29 Januari 2020 berikutan pembubaran Lembaga Biasiswa Negeri Kedah (LBNK) seperti yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) melalui Kertas No. 7(F)303/2020 pada 8 Julai 2020.

10.6. Tunggakan hasil Pejabat Daerah menurun sebanyak RM14.51 juta (75.3%) kepada RM4.75 juta berbanding RM19.26 juta bagi tahun 2019. Penurunan ketara tunggakan hasil melibatkan Pejabat Daerah Langkawi antaranya disebabkan hapus kira tunggakan cukai hiburan sebanyak 17.5% berjumlah RM15.61 juta dan penjadualan semula baki bayaran secara ansuran oleh syarikat pengusaha taman tema. Kelulusan hapus kira telah diperolehi melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) [Kertas No.7 (F)397/2020] yang bersidang pada 7 Oktober 2020.

10.7. Pada tahun 2020, tunggakan hasil Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed) adalah sejumlah RM1.50 juta, tiada perubahan berbanding tahun 2019. Pihak PMBKed telah membuat permohonan bayaran secara ansuran kepada Pejabat Kewangan Negeri bagi baki tunggakan kerana kekangan kewangan. Permohonan telah diluluskan melalui surat Bil(61)dlm.P.Kw.N(K)0801/B JLD.7 bertarikh 20 April 2021.

10.8. Tunggakan hasil jabatan-jabatan lain berjumlah RM137,411, meningkat sebanyak RM62,811 disebabkan tunggakan hasil baharu Jabatan Pertanian.

10.9. Analisis pengumuran Akaun Belum Terima adalah seperti dalam **Jadual 57** dan analisis pengumuran tunggakan cukai tanah adalah seperti dalam **Jadual 58**.

**JADUAL 57**  
**ANALISIS PENGUMURAN TUNGGAKAN AKAUN BELUM TERIMA**

BIL.	JABATAN/PEJABAT/SYARIKAT	1 – 3 TAHUN (RM Juta)	4 – 6 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 6 TAHUN (RM Juta)
1.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (Jabatan Bekalan Air)	0.00	0.00	35.32
2.	Pejabat Tanah	57.44	13.60	58.38
3.	SUK Bahagian Perumahan	16.02	18.58	31.25
4.	Perbadanan Menteri Besar Kedah	0.00	0.00	1.50
5.	JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	0.00	0.00	0.12
6.	Pejabat Daerah	0.40	2.35	2.00
7.	Pinjaman Pendidikan	5.42	3.88	10.73
8.	Lain-Lain Jabatan	0.07	0.00	0.07
<b>JUMLAH</b>		<b>79.35</b>	<b>38.41</b>	<b>139.37</b>

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2020

**JADUAL 58**  
**ANALISIS PENGUMURAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH**

BIL.	PEJABAT TANAH	1 – 3 TAHUN (RM Juta)	4 – 6 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 6 TAHUN (RM Juta)
1.	Sik	1.08	0.25	0.94
2.	Langkawi	1.90	0.58	0.46
3.	Bandar Baharu	0.28	0.09	0.27
4.	Padang Terap	0.86	0.26	1.84
5.	Kulim	14.00	2.65	10.33
6.	Baling	1.77	0.55	1.41
7.	Yan	0.71	0.21	0.51
8.	Kota Setar	5.18	1.3	7.36
9.	Kuala Muda	23.53	4.84	22.74
10.	Kubang Pasu	5.64	2.04	7.66
11.	Pendang	1.79	0.35	3.97
12.	Pokok Sena	0.70	0.48	0.89
<b>JUMLAH</b>		<b>57.44</b>	<b>13.60</b>	<b>58.38</b>

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2020

## 11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 sejumlah RM36.60 juta (11.4%) kepada RM357.08 juta berbanding RM320.48 juta pada tahun 2019;

11.2. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan kurangan semasa sebanyak RM54.42 juta kerana hasil diterima berjumlah RM560.66 juta adalah lebih rendah berbanding perbelanjaan berjumlah RM615.07 juta, termasuk RM45.40 juta pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Baki kurangan terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat sebanyak RM54.42 juta (11.1%) menjadi kurangan RM542.70 juta pada tahun 2020 berbanding kurangan RM488.28 juta pada tahun 2019;

11.3. baki Akaun Amanah Disatukan meningkat sebanyak RM91.02 juta kepada RM899.78 juta pada tahun 2020 berbanding RM808.76 juta pada tahun 2019;

11.4. baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM16.27 juta (7%) pada tahun 2020 menjadi RM216.57 juta berbanding RM232.84 juta pada tahun 2019 manakala tunggakan bayaran balik pinjaman agensi menurun sebanyak RM1.49 juta kepada RM81.88 juta;

11.5. baki Hutang Awam Kerajaan negeri pada tahun 2020 masih tinggi iaitu berjumlah RM2.662 bilion; dan

11.6. baki Akaun Belum Terima menunjukkan peningkatan sebanyak RM3.32 juta (1.3%) kepada RM257.13 juta berbanding RM253.81 juta pada tahun 2019.

## **12. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:

12.1. meneroka hasil-hasil baru daripada hasil bumi, pertanian, perindustrian dan perkhidmatan agar pendapatan Kerajaan negeri dapat dipertingkatkan dan seterusnya menambahbaik prestasi Akaun Hasil Disatukan;

12.2. kutipan hasil Kerajaan negeri perlu dipertingkatkan dengan pelaksanaan sistem kutipan dan penguatkuasaan yang lebih berkesan;

12.3. menyediakan anggaran belanjawan yang lebih realistik dengan mengambil kira semua program/aktiviti yang dirancang dan mengawal bayaran di bawah AP 58(a);

12.4. mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjaskankan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri Kedah; dan

12.5. mengkaji semula nilai ekonomi agensi kerajaan berorientasikan keuntungan yang tidak berupaya untuk membayar semula pinjaman dan tunggakan.



## **BAHAGIAN III**

# **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**



### **BAHAGIAN III**

#### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

##### **Perkara Utama**

###### **Apa yang diaudit?**

- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

###### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri Kedah dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

###### **Apa yang ditemui?**

- Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 20 daripada 23 penyata kewangan agensi Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dikemukakan untuk diaudit. Sebanyak tiga penyata kewangan BBN belum diterima.
- Daripada 20 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan, sebanyak tiga BBN, 11 PBT dan MAIK telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2021. Manakala tiga BBN telah mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 Jun 2021 dan dua BBN telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2021.

- Tiga BBN yang lewat mengemukakan penyata kewangan telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan dan permohonan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri sehingga 30 Jun 2021 dan 30 Julai 2021.
- Setakat 31 Ogos 2021, 20 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 masih dalam proses pengauditan dan belum disahkan. Sehubungan itu analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini.

### **BAHAGIAN III**

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

#### **FAKTA UTAMA**

<b>PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2020</b>	<b>Bilangan Agensi Negeri</b>	<b>23 Akaun Agensi</b>
	<b>11</b> Badan Berkanun Negeri	<b>23</b> Akaun Belum Disahkan
	<b>11</b> Pihak Berkuasa Tempatan	
	<b>1</b> Majlis Agama Islam	

## **1. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam. Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

## **2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

2.1. Pada tahun 2020, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 23 penyata kewangan Agensi Negeri Kedah bagi tahun kewangan 2020. Daripada jumlah tersebut, 11 merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, 11 penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu penyata kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (pindaan 2015).

2.2. Pengauditan terhadap penyata kewangan bagi tiga BBN dan MAIK dilaksanakan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala baki 19 penyata kewangan agensi yang lain diaudit oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2020 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti dan serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

### 3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 20 daripada 23 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diterima. Tiga BBN, 11 PBT dan MAIK telah mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2021. Manakala tiga BBN telah mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 Jun 2021 dan dua BBN telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2021.

3.2. Tiga BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah dan Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Surat makluman berkaitan kelewatan mengemukakan penyata kewangan telah dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri. Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan dan permohonan diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri sehingga 30 Jun 2021 manakala Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Yayasan Islam Negeri Kedah telah diluluskan pelanjutan sehingga 31 Julai 2021. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	28.04.2021
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	29.04.2021
3.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	29.04.2021
4.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	10.05.2021
5.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	30.05.2021
6.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	24.06.2021
7.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	12.07.2021
8.	Majlis Sukan Negeri Kedah	12.08.2021

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	28.04.2021
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Daerah Yan	28.04.2021
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	29.04.2021
3.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	29.04.2021
4.	Majlis Perbandaran Kulim	29.04.2021
5.	Majlis Perbandaran Langkawi	29.04.2021
6.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	29.04.2021
7.	Majlis Daerah Baling	29.04.2021
8.	Majlis Daerah Padang Terap	29.04.2021
9.	Majlis Daerah Pendang	29.04.2021
10.	Majlis Daerah Sik	29.04.2021
11.	Majlis Daerah Bandar Baharu	29.04.2021

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh Agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan Agensi negeri untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/ Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.3. Bagi tahun kewangan 2020, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah menggunakan pakai piawaian perakaunan MPERS, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah menggunakan pakai piawaian perakaunan MFRS manakala agensi-agensi lain menggunakan piawaian perakaunan MPSAS. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh Agensi Negeri Kedah bagi tahun kewangan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	1
2.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)	1
3.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	21
<b>JUMLAH</b>		<b>23</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## 5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

### 5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

#### 5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara (Emphasis of Matter - EOM)

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

### **5.1.2. Perenggan Perkara Utama Audit (Key Audit Matters – KAM)**

Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus (those charged with governance). KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Ketua Audit Negara.

### **5.1.3. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter(OM)]**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

## **5.2. Pendapat Diubahsuai**

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau juruaudit menghadapikekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer).

### **5.2.1. Pendapat Berteguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

### **5.2.2. Pendapat Bertentangan**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

### **5.2.3. Pendapat Penafian**

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2021, kesemua penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 yang telah diterima masih dalam proses pgaudit dan belum disahkan. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis sijil yang diberikan bagi tahun 2017 sehingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**KEDUDUKAN MENGIKUT SIJIL AUDIT BAGI**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 SEHINGGA 2020**

BIL.	JENIS SIJIL AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2017	2018	2019	2020*
1.	Tanpa Teguran	16	21	12	-
2.	Tanpa Teguran Perenggan Emphasis of Matter (EOM)	7	-	1	-
3.	Berteguran	-	2	9	-
4.	Bertentangan	-	-	1	-
5.	Penafian	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>23</b>	<b>23</b>	<b>23</b>	<b>0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017 hingga 2020

Nota: (\*) – Kedudukan setakat 31 Ogos 2021

### **5.4. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2019**

5.4.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Negeri yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 5 November 2020 hanya melaporkan satu penyata kewangan agensi yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 31 Ogos 2020. Penyata kewangan tersebut adalah bagi Lembaga Biasiswa Negeri Kedah yang telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak 22 penyata kewangan agensi lain tidak dilaporkan dalam laporan tersebut kerana belum selesai diaudit setakat 31 Ogos 2020.

5.4.2. Setakat 31 Ogos 2021, kesemua baki 22 penyata akaun agensi tersebut telah disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara adalah 11 penyata kewangan telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran, satu penyata kewangan diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara (EOM), sembilan penyata kewangan diberikan Sijil Audit Berteguran dan satu penyata kewangan diberikan Sijil Audit Bertentangan. Butiran lanjut mengenai Sijil Audit yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara (EOM) seperti dalam **Jadual 4** manakala Sijil Audit Bertentangan dan Sijil Audit dengan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 4**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN**  
**SIJIL AUDIT DENGAN PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PENEGASAN**  
**PERKARA (EOM) BAGI TAHUN KEWANGAN 2019**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
<b>EMPHASIS OF MATTER (EOM)</b>		
1.	Majlis Daerah Pendang	<p><b>Tunai di Bank Berbaki Kredit</b></p> <p>Perenggan 7.2, Piawaian Perakaunan 7 (PPK 7) berkenaan Kawalan Wang Tunai Dalam Bank menyatakan wang tunai dalam bank tidak boleh berbaki kredit (negatif) pada setiap masa. Satu daripada lima akaun tunai di bank Majlis Daerah Pendang iaitu Bank CIMB Berhad berbaki kredit (negatif) kerana pembayaran telah dicaj kepada akaun bank sedangkan baki tunai di bank tidak mencukupi. Majlis Daerah Pendang sepatutnya menyemak terlebih dahulu baki tunai di bank sebelum membuat baucar pembayaran supaya baki adalah mencukupi dan mengelakkan berlakunya akaun tunai di bank berbaki kredit.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**JADUAL 5**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN SIJIL BERTENTANGAN DAN**  
**BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
<b>SIJIL BERTENTANGAN</b>		
1.	Majlis Daerah Padang Terap	<p><b>a. Butiran Tidak Dapat Disahkan</b></p> <p>Penyata Imbang Duga dan Lejar Am/Subsidiari tidak dapat dikemukakan bagi menyokong penyata kewangan yang disediakan. Prosedur Audit alternatif telah dijalankan bagi mengesahkan amaun di Penyata Kewangan. Bagaimanapun, terdapat butiran yang tidak dapat disahkan oleh juruaudit seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merujuk kepada Penyata Aliran Tunai bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019, terdapat perbezaan ketara yang tidak dapat dikenal pasti berjumlah RM5.35 juta bagi tujuh butiran iaitu Susutnilai dan Pelunasan, Pelarasan Tahun Terdahulu, Peruntukan Manfaat Kakitangan, Pertambahan Aset Infrastruktur, Peningkatan Akaun Belum Bayar, Pembelian Hartanah Loji dan Peralatan serta Pembayaran Pinjaman Kenderaan. Ini memberi kesan kepada pengesahan butiran yang berkaitan di Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Perubahan Ekuiti Bersih.</li> <li>ii. Merujuk kepada Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, Perbelanjaan Susutnilai dan Pelunasan adalah berjumlah RM3.91 juta (2018: RM1.06 juta). Daripada jumlah tersebut, pihak Audit tidak dapat mengenal pasti sebahagian amaun berjumlah RM2.68 juta.</li> <li>iii. Merujuk kepada Nota 14 Kepada Penyata Kewangan, Pelunasan Geran Tertunda berjumlah RM384,098. Walaupun terdapat pengurangan sebagai pelunasan Geran ditunjukkan di dalam akaun Geran Tertunda di Penyata Kedudukan Kewangan, namun tiada pelunasan direkodkan di Penyata Prestasi Kewangan bagi amaun tersebut. Hal ini menyebabkan Majlis Daerah Padang Terap telah terkurang rekod Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran Bagi Pelunasan Geran Tertunda berjumlah RM384,098.</li> <li>iv. Merujuk kepada Nota 12 Kepada Penyata Kewangan, Pinjaman Sewa Beli berjumlah RM326,382 (2018 : RM280,602). Jumlah ini tidak termasuk pembelian Kenderaan pada 28 November 2019. Kos pembelian kenderaan telah direkodkan sebagai tambahan Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM84,000 tetapi tiada tanggungan Pinjaman Sewa Beli berjumlah RM75,701 direkodkan dalam akaun ini. Selain itu, bayaran ansuran yang dibayar dalam tahun semasa berjumlah RM23,145 tidak diakaunkan bagi akaun pinjaman kenderaan yang lain.</li> </ul> <p><b>b. Hartanah, Loji dan Peralatan Terkurang Nyata</b></p> <p>Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan Nota 4 yang berkaitan, Hartanah Loji dan Peralatan adalah berjumlah RM40.45 juta (2018: RM16.03 juta). Jumlah ini termasuk nilai buku bersih Aset Infrastruktur berjumlah RM28.34 juta yang berkaitan dengan aset jalan raya dan lorong yang telah dipermodalkan dan diktiraf sebagai Hartanah Loji dan Peralatan pada 31 Disember 2019 selaras dengan MPSAS 17. Berdasarkan rekod Majlis Daerah Padang Terap, nilai kos Aset Infrastruktur telah tersalah direkodkan sebagai RM32.42 juta berbanding kos yang sepatutnya berjumlah RM13.39 juta. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terlebih nyata sejumlah RM19.03 juta, manakala Belanja Susutnilai tahun semasa juga terlebih nyata sejumlah RM380,683.</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
		<p><b>c. Baki Kumpulan Wang Majlis Terlebih Rekod Sejumlah RM3.38 Juta</b></p> <p>Merujuk kepada Nota 30 dan Penyata Perubahan Ekuiti Bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, Kumpulan Wang Majlis adalah berjumlah RM40.88 juta (2018 : RM5.48 juta). Termasuk di dalam jumlah ini adalah Pelarasan Tahun Lalu berjumlah RM29.63 juta. Berdasarkan rekod Majlis Daerah Padang Terap, Pelarasan Tahun Lalu berjumlah RM1.69 juta yang sepatutnya didebitkan, telah dikreditkan ke Kumpulan Wang Majlis pada 1 Januari 2019. Ini menyebabkan baki Kumpulan Wang Majlis terlebih rekod sejumlah RM3.38 juta.</p>
<b>SIJIL BERTEGURAN</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri kedah	<p><b>a. Keuntungan Komprehensif Tahun 2019, Keuntungan Terkumpul serta Baki Hartanah, Loji dan Peralatan Telah Terlebih Dinyatakan</b></p> <p>Merujuk Nota 4 kepada Penyata Kewangan, nilai buku bersih aset Hartanah, Loji Dan Peralatan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM649.44 juta (2018 : RM591.80 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah aset Tanah dan Pembangunan Tanah melibatkan tiga unit iaitu KHPB, Ladang Bukit Perak Utara dan Ladang Bukit Perak Selatan dengan kos keseluruhan berjumlah RM38.36 juta. Berdasarkan perenggan 16 dalam Seksyen 17 MPERS - Hartanah, Loji Dan Peralatan, aset Tanah dan Pembangunan Tanah hendaklah diperuntukkan susut nilai/pelunasan mengikut usia guna aset berkaitan.</p> <p>Bagaimanapun, tiada peruntukan pelunasan yang dilaporkan terhadap aset tersebut dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun 2019 dan tahun-tahun terdahulu. Perkara ini menyebabkan keuntungan komprehensif tahun 2019 dan keuntungan terkumpul telah terlebih dinyatakan masing-masing sejumlah RM0.40 juta dan RM7.37 juta serta baki Hartanah, Loji dan Peralatan terlebih nyata sejumlah RM7.77 juta.</p> <p><b>b. Baki Pelaburan dalam Subsidiari dan Keuntungan Terkumpul Telah Terkurang Dinyatakan Sejumlah RM10 Juta</b></p> <p>Merujuk Nota 8 kepada Penyata Kewangan, baki Pelaburan Dalam Subsidiari pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM133.62 juta (2018 : RM118.33 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah pelaburan dalam syarikat subsidiari iaitu Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. (KTPC) dengan nilai pelaburan berjumlah RM20 juta. Amaun tersebut sepatutnya dinyatakan sejumlah RM30 juta seperti mana yang direkodkan di Bahagian Pelaburan PKNK dan pengesahan pelaburan oleh KTPC. Ini menyebabkan baki Pelaburan Dalam Subsidiari dan keuntungan terkumpul telah terkurang dinyatakan sejumlah RM10 juta.</p> <p><b>c. Baki Penghutang Perdagangan Telah Terlebih Dinyatakan Sejumlah RM22.49 juta</b></p> <p>Merujuk Nota 17 kepada Penyata Kewangan, nilai buku bersih Penghutang Perdagangan PKNK pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM115.40 juta (2018 : RM81.96 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah Penghutang Perdagangan yang dilaporkan oleh akaun Kilang Hevea Bukit Perak (KHPB) dengan nilai buku bersih berjumlah RM26.99 juta. Amaun Penghutang Perdagangan tersebut sepatutnya dinyatakan sejumlah RM4.50 juta. Perkara ini</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
		<p>disebabkan oleh terimaan daripada Penghutang Perdagangan bagi tahun 2019 tidak direkodkan dan dikemas kini ke dalam akaun KHBP oleh ejen pengurus berjumlah RM22.49 juta. Ini menyebabkan baki Penghutang Perdagangan telah terlebih dinyatakan sejumlah RM22.49 juta.</p> <p><b>d. Baki Pemiutang Perdagangan Telah Terlebih Dinyatakan Sejumlah RM17.58 juta</b></p> <p>Merujuk Nota 26 kepada Penyata Kewangan, baki Pemiutang Perdagangan PKNK pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM36.45 juta (2018 : RM11.39 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah Pemiutang Perdagangan yang dilaporkan oleh akaun KHBP sejumlah RM19.92 juta. Amaun Pemiutang Perdagangan tersebut sepatutnya dinyatakan sejumlah RM2.34 juta. Perkara ini disebabkan oleh pembayaran kepada Pemiutang Perdagangan bagi tahun 2019 tidak direkodkan dan dikemas kini ke dalam akaun KHBP oleh ejen pengurus berjumlah RM17.58 juta. Ini menyebabkan baki Pemiutang Perdagangan telah terlebih dinyatakan sejumlah RM17.58 juta.</p> <p><b>e. Baki Amaun Ter hutang Antara PKNK dan Syarikat Subsidiari Berjumlah RM38.11 Juta Tidak Dihapuskan Semasa Proses Penyatuan Penyata Kewangan Kumpulan</b></p> <p>Merujuk Nota 18 kepada Penyata Kewangan, baki Penghutang Lain-Lain pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM282.21 juta (2018 : RM295.49 juta). Termasuk dalam jumlah tersebut adalah amaun Ter hutang oleh Syarikat Subsidiari berjumlah RM246.69 juta. Berdasarkan perenggan 15 dalam Seksyen 9 MPERS - Penyata Kewangan Disatukan, sebarang urus niaga antara pihak berkaitan (inter company transaction) hendaklah dihapuskan sepenuhnya semasa proses penyatuan Penyata Kewangan Kumpulan. Bagaimanapun, baki amaun ter hutang antara PKNK dan syarikat subsidiari berjumlah RM38.11 juta tidak dihapuskan semasa proses penyatuan Penyata Kewangan Kumpulan dan ia adalah tidak selaras dengan ketetapan Seksyen 9 MPERS.</p>
2.	Majlis Sukan Negeri Kedah	<p>Piaiawan Perakaunan MPSAS 23 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran, perenggan 44 menetapkan bahawa Geran Kerajaan diiktiraf sebagai Pendapatan sekiranya Geran diterima tanpa syarat/syarat telah dipenuhi atau diiktiraf sebagai Liabiliti selagi mana syarat kepada Geran belum dipenuhi. Perenggan 45, MPSAS 23 pula menyatakan apabila entiti mengurangkan amaun bawaan Liabiliti, Hasil perlu diiktiraf dengan jumlah yang sama dengan pengurangan tersebut.</p> <p>Majlis Sukan Negeri Kedah telah menerima Geran daripada Majlis Sukan Negara bertujuan membiayai program Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri. Terimaan telah diakaunkan dalam akaun CIMB (No akaun : 8006420073) atas nama Majlis Sukan Negeri Kedah. Mengikut rekod yang diselenggara, baki Buku Tunai CIMB pada 31 Disember 2019 berjumlah RM195,395.04. Baki ini tidak diakaunkan dalam Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Kedah. Selain itu Terimaan Geran dalam tahun semasa berjumlah RM398,508.30 juga tidak direkodkan sebagai Liabiliti dan diiktiraf sebagai Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran apabila dibelanjakan. Perbelanjaan bagi tahun 2019 berjumlah RM235,580 juga tidak direkodkan di Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Ini menyebabkan Wang Tunai di Tangan dan Bank (Aset Semasa) dan Geran Tertunda (Liabiliti Bukan Semasa)</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
		terkurang nyata sejumlah RM195,395.04 manakala Hasil dan Perbelanjaan juga terkurang nyata sejumlah RM235,580.
3.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	<p><b>Hasil Terlebih Nyata Sejumlah RM4.69 Juta dan Geran Tertunda (Liabiliti) Terkurang Nyata dengan Amaun yang Sama</b></p> <p>Piaianan Perakaunan MPSAS 23: Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai Dan Pindahan) menetapkan bahawa sumbangan yang mempunyai tujuan dan syarat yang terikat perlu diiktiraf sebagai Geran Tertunda di bawah Liabiliti.</p> <p>Merujuk kepada Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan Nota 14 yang berkaitan, Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah berjumlah RM6.57 juta. Termasuk dalam jumlah ini adalah Pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM4.5 juta bagi kerja-kerja menaiktaraf dan pembaikan fasiliti Stadium Darul Aman dan Pemberian Kerajaan Negeri berjumlah RM192,500 bagi pembelian tiga unit Jentera yang diterima pada tahun 2019. Keseluruhan pemberian berjumlah RM4.69 juta tersebut belum dibelanjakan pada tahun 2019. Perbadanan telah mengiktiraf pemberian tersebut sebagai Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran. Ini menyebabkan Hasil terlebih nyata sejumlah RM4.69 juta dan Geran Tertunda (Liabiliti) terkurang nyata dengan amaun yang sama. Kesilapan ini juga menyebabkan lebihan bagi tahun 2019 di Penyata Prestasi Kewangan berjumlah RM4.41 juta telah tersalah nyata. Penyata Prestasi Kewangan Perbadanan sepatutnya mencatatkan kurangan tahun semasa berjumlah RM284,811 berbanding lebihan berjumlah RM4.41 juta.</p>
4.	Majlis Bandaraya Alor Setar	<p><b>Hartanah, Loji dan Peralatan Berjumlah RM39.49 Juta Tidak Diakaunkan</b></p> <p>MPSAS 17 Perenggan 14 menyatakan kos item hartaanah, loji dan peralatan hendaklah diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir masuk ke dalam entiti; dan kos atau nilai saksama item tersebut boleh diukur dengan munasabah. Perenggan 27 pula menyatakan jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan.</p> <p>Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan Nota 8, Hartanah Loji dan Peralatan berjumlah RM380.48 juta. Jumlah ini tidak termasuk 13 hak milik tanah yang tidak diakaunkan dalam penyata kewangan tahun semasa, iaitu enam tanah hak milik kekal berjumlah RM12.83 juta yang diperolehi antara tahun 1966 hingga 2018 dan tujuh tanah hak milik pajakan berjumlah RM22.77 juta yang diperolehi antara tahun 1993 hingga 2016. Selain itu, sejumlah 49 jalan raya dengan nilai buku bersih berjumlah RM3.89 juta yang diperoleh melalui urusniaga bukan pertukaran pada tahun 2018 dan 2019 tidak diakaunkan dalam penyata kewangan tahun semasa. Ini menyebabkan hartaanah, loji dan peralatan terkurang nyata sejumlah RM39.49 juta.</p>
5.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	<p><b>a. Kos Naik Taraf Bangunan Tidak Dihapskira Setelah Penilaian Semula Bangunan Dibuat.</b></p> <p>MPSAS 33 Perenggan 76 menyatakan apabila nilai saksama yang dianggap sebagai kos (deemed cost) ditentukan dalam tempoh di mana agensi mengambil kesempatan pengecualian</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
		<p>pengiktirafan/ pengukuran aset/liabiliti dalam tempoh peralihan kepada MPSAS, agensi perlu membuat penyesuaian terhadap baki awal lebihan/kurangan terkumpul pada tahun di mana nilai saksama yang dianggap sebagai kos (deemed cost) diiktiraf/diukur.</p> <p>Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Nota 9 yang berkaitan, Hartanah Loji dan Peralatan adalah berjumlah RM877.98 juta. Termasuk dalam Hartanah Loji dan Peralatan adalah kos naiktaraf bangunan berjumlah RM6.83 juta dan susut nilai terkumpul tahun 2019 berjumlah RM1.66 juta. Majlis telah membuat penilaian semula sebahagian bangunan dan mengiktiraf nilai saksama sebagai kos (fair value as deemed cost) dalam tahun kewangan 2018. Penilaian semula tersebut meliputi bangunan yang dinaiktaraf, namun baki akhir kos naiktaraf bermula dari tahun 2017 dan sebelumnya tidak dihapus sepenuhnya. Ini menyebabkan Hartanah Loji dan Peralatan telah terlebih nyata sejumlah RM5.17 juta, belanja susutnilai tahun semasa di penyata prestasi kewangan terlebih nyata sejumlah RM157,209 dan susut nilai terkumpul terlebih nyata sejumlah RM1.66 juta.</p> <p><b>b. Tanah Pajakan yang Telah Tamat Tempoh Pajakan Tidak Dikeluarkan Daripada Penyata Kewangan</b></p> <p>Pada 31 Disember 2019, nilai tanah dalam Hartanah Loji dan Peralatan adalah berjumlah RM97.72 juta. Termasuk dalam tanah yang dinilai semula adalah enam tanah pajakan yang telah tamat tempoh pajakan antara tahun 2015 hingga 2019. Penilaian bagi tanah pajakan tersebut berjumlah RM4.45 juta telah direkodkan sebagai kos baharu (<i>fair value as deemed cost</i>) di dalam penyata kewangan Majlis. Tanah-tanah tersebut sepatutnya dikeluarkan daripada senarai tanah pajakan Majlis kerana telah tamat tempoh pajakan. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan dan telah terlebih nyata sejumlah RM2.98 juta, belanja susutnilai tahun semasa di penyata prestasi kewangan terlebih nyata sejumlah RM536,247, dan susutnilai terkumpul tanah pajakan terlebih nyata sejumlah RM1.47 juta.</p>
6.	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan	<p><b>Hartanah Infrastuktur Terlebih Nyata Sejumlah RM3.98 Juta</b></p> <p>Piawaian Perakaunan MPSAS 17 Hartanah Loji dan Peralatan, perenggan 21 menetapkan bahawa entiti sektor awam perlu mengiktiraf Aset Infrastruktur ke dalam akaun Hartanah Loji dan Peralatan. Nota Kepada Penyata Kewangan, Nota 2.4 Susutnilai Hartanah Loji dan Peralatan menetapkan kadar susutnilai tahunan bagi Aset Infrastruktur adalah 2% hingga 5% setahun.</p> <p>Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan Nota 3 yang berkaitan, Hartanah Loji dan Peralatan adalah berjumlah RM52.08 juta. Termasuk dalam jumlah ini adalah tambahan Hartanah Infrastruktur yang berkaitan dengan aset jalan raya yang berjumlah RM34.91 juta. Semakan terhadap senarai Hartanah Infrastruktur mendapati perbezaan jarak jalan sebanyak 3,500 meter atau RM3.98 juta berbanding rekod di Sistem MARRIS yang telah dikemas kini. Ini menyebabkan Hartanah Infrastruktur terlebih nyata sejumlah RM3.98 juta. Kos yang terlebih nyata ini juga mempengaruhi aman Peruntukan Susutnilai Hartanah Infrastruktur sejumlah RM2.39 juta.</p>
7.	Majlis Daerah Baling	<p><b>a. Hartanah, Loji dan Peralatan</b></p> <p>MPSAS 17 Perenggan 14 menyatakan kos item Hartanah, Loji dan Peralatan hendaklah diiktiraf sebagai aset jika terdapat</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
		<p>kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam entiti dan kos atau nilai saksama item tersebut boleh diukur dengan munasabah.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Nota 4 yang berkaitan Hartanah Loji dan Peralatan adalah berjumlah RM149.47 juta. Jumlah ini tidak termasuk Tanah yang dimiliki oleh Majlis Daerah Baling berjumlah RM1.95 juta. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata sejumlah RM1.95 juta dan Susut Nilai juga terkurang nyata sejumlah RM4,980.</li> <li>ii. Merujuk kepada Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 yang berkaitan Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM6.93 juta. Termasuk di dalam jumlah ini adalah Perbelanjaan Modal yang sepatutnya direkodkan sebagai Hartanah, Loji Dan Peralatan berjumlah RM1.54 juta. Ini telah menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata sejumlah RM1.54 juta, Perbelanjaan terlebih nyata berjumlah RM1.54 juta, Susut Nilai terkurang nyata sejumlah RM30,893.</li> </ul> <p><b>b. Belanja Susutnilai Aset Infrastruktur</b></p> <p>MPSAS 33 menyatakan Aset atau Liabiliti yang diiktiraf hendaklah dilaraskan dengan lebihan atau kurangan terkumpul pada tarikh pemakaian MPSAS. Justeru, Belanja Susut Nilai Aset-aset Infrastruktur tahun-tahun terdahulu perlu dibuat pelarasan secara retrospektif pada tarikh peralihan.</p> <p>Merujuk kepada Nota 4 bagi Penyata Kewangan tahun berakhir 31 Disember 2019 berkaitan Hartanah, Loji dan Peralatan, Susut Nilai Terkumpul Aset Infrastruktur tahun sebelumnya berjumlah RM14.54 juta. Namun amanah yang dilaraskan ke Kumpulan Wang Majlis berjumlah RM16.87 juta. Ini menyebabkan Kumpulan Wang Majlis terkurang nyata sejumlah RM2.33 juta.</p> <p><b>c. Pelaburan Jangka Pendek</b></p> <p>MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran, Perenggan 16 menyatakan Entiti hendaklah mengiktiraf Aset Kewangan dan Aset Liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya bila, entiti menjadi pihak dalam kontrak peruntukan instrumen.</p> <p>Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 tiada perekodan Pelaburan Jangka Pendek berjumlah RM0.6 juta di Bank Islam (No Akaun 02048380000753). Tempoh pelaburan adalah bermula 19 Disember 2019 dan matang pada 2 Januari 2020. Ini menyebabkan Pelaburan Jangka Pendek di bawah Tunai dan Kesetaraan Tunai terkurang nyata sejumlah RM0.6 juta.</p>
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	<p><b>a. Hartanah, Loji dan Peralatan</b></p> <p>MPSAS 17 Perenggan 14 menyatakan kos item hartanah, loji dan peralatan hendaklah diiktiraf sebagai aset jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam entiti dan kos atau nilai saksama item tersebut boleh diukur dengan munasabah.</p> <p>Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Nota 7 yang berkaitan, Hartanah Loji dan Peralatan adalah berjumlah RM85.07 juta. Jumlah ini tidak termasuk 24 lot tanah yang diterima oleh Majlis Daerah Bandar Baharu daripada Kerajaan Negeri Kedah dalam tahun 2019 dan tahun-tahun</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
		<p>sebelumnya berjumlah RM2.55 juta. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata sejumlah amaun tersebut.</p> <p><b>b. Belanja Susutnilai Aset Infrastruktur</b></p> <p>MPSAS 33 menyatakan aset atau liabiliti yang diiktiraf hendaklah dilaraskan dengan lebihan atau kurangan terkumpul pada tarikh pemakaian MPSAS. Justeru, belanja susutnilai aset-aset infrastruktur tahun-tahun terdahulu perlu dibuat pelarasaran secara retrospektif pada tarikh peralihan.</p> <p>Merujuk kepada Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan Nota 7 berkaitan belanja susutnilai tahun 2019 berjumlah RM7.82 juta. Jumlah ini termasuk belanja susutnilai aset-aset infrastruktur bagi tahun-tahun terdahulu berjumlah RM5.76 juta. Ini menyebabkan belanja susutnilai tahun semasa terlebih nyata sejumlah amaun tersebut. Kesilapan ini menyebabkan kurangan bagi tahun 2019 di Penyata Prestasi Kewangan berjumlah RM5.24 juta telah tersalah nyata. Penyata Prestasi Kewangan Majlis Daerah Bandar Baharu sepatutnya mencatatkan lebihan tahun semasa berjumlah RM0.55 juta berbanding kurangan berjumlah RM5.21 juta.</p>
9.	Majlis Daerah Sik	<p><b>Hartanah, Loji dan Peralatan Terkurang Nyata</b></p> <p>Piauan Perakaunan MPSAS 17 Hartanah Loji dan Peralatan, perenggan 21 menetapkan bahawa entiti sektor awam perlu mengiktiraf Aset Infrastruktur ke dalam akaun Hartanah Loji dan Peralatan. MPSAS 33 menyatakan entiti boleh memilih untuk tidak mengiktiraf aset atau liabiliti seperti dinyatakan dalam para 36, dalam tempoh peralihan tiga tahun (<i>transitional relief</i>) bermula kali pertama entiti menerima pakai piauan perakaunan MPSAS. Menurut Nota kepada penyata kewangan, Nota 2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan, tahun 2019 merupakan penyata kewangan peralihan terakhir yang disediakan di bawah piauan MPSAS.</p> <p>Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan Nota 8 yang berkaitan, Hartanah Loji dan Peralatan adalah berjumlah RM5.69 juta. Jumlah ini tidak termasuk Aset Infrastruktur yang berkaitan dengan aset jalan raya, sistem pembentungan serta sistem bekalan air dan tenaga yang belum diktiraf sebagai Hartanah Loji dan Peralatan pada 1 Januari 2019 dan 31 Disember 2019 selaras dengan MPSAS 17. Berdasarkan rekod Majlis Daerah Sik, nilai Aset Infrastruktur sebelum mengambil kira susut nilai adalah berjumlah RM3.22 juta. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata dan pada masa yang sama Peruntukan Susut Nilai tahun semasa dan Susut Nilai Terkumpul juga terkurang nyata.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980, enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi negeri yang telah diaudit berserta sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN).

6.2. Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak empat daripada 22 penyata kewangan tahun 2019 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah, manakala 18 penyata kewangan belum dibentangkan. Ianya terdiri daripada tujuh penyata kewangan BBN dan 11 penyata kewangan PBT. Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah tidak perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah tetapi hanya disiarkan dalam warta mengikut perenggan 35(2) Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015. Status pembentangan penyata kewangan agensi negeri setakat 31 Ogos 2021 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**STATUS PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019**  
**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2021**

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	15.11.2020
2.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	15.11.2020
3.	Yayasan Islam Negeri Kedah	15.11.2020
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	15.11.2020

Sumber: Dewan Undangan Negeri Kedah

## 7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti. Pada tahun 2021, negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Keadaan ini telah menjelaskan proses pengesahan penyata kewangan tahun 2020 bagi agensi negeri berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Agensi juga telah diluluskan pelanjutan tempoh oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Oleh itu, analisis prestasi kewangan agensi tidak dilaporkan pada kali ini kerana 20 penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 yang telah diterima untuk diaudit masih belum disahkan setakat 31 Ogos 2021.

## **8. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Setakat 31 Ogos 2021, kesemua 20 penyata kewangan agensi yang telah diterima untuk diaudit masih belum disahkan manakala tiga agensi masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah dan Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah.

## **9. SYOR AUDIT**

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan supaya agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *audit able* mengikut tempoh yang ditetapkan.



## **BAHAGIAN IV**

### **PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI**



**BAHAGIAN IV**  
**PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI**

**Apa yang diaudit?**

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri Kedah dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri.
- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenalpasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.
- Sebanyak enam pengauditan pematuhan telah dilaksanakan melibatkan tiga jabatan dan tiga agensi di Negeri Kedah. Bagaimanapun, hanya satu laporan pengauditan pematuhan yang memenuhi kriteria 3P1K dilaporkan seperti berikut:
  - a. Pengurusan Hasil Cukai Tanah dan Tunggakan di Pejabat Tanah Kubang Pasu.

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksanakan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

**Apa yang ditemui?**

- **Pengurusan Hasil Cukai Tanah dan Tunggakan di Pejabat Tanah Kubang Pasu**
  - pengubahan kategori kegunaan tanah tanpa permohonan tukar syarat menyebabkan kehilangan hasil berjumlah RM112,696.30 setahun.



---

## **BAHAGIAN IV**

### **PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI KEDAH**

---

#### **1. PENGENALAN**

1.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

1.2. Pada tahun 2020, sebanyak enam pengauditan pematuhan telah dilaksanakan melibatkan tiga jabatan dan tiga agensi di Negeri Kedah. Bagaimanapun, hanya satu laporan pengauditan pematuhan yang memenuhi kriteria 3P1K dan dilaporkan pada kali ini seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2020**

BIL.	TAJUK	JABATAN
1.	Pengurusan Hasil Cukai Tanah dan Tunggakan	• Pejabat Tanah Kubang Pasu

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.3. Justifikasi pemilihan tajuk pematuhan bagi tahun 2020 adalah mengambil kira kelemahan dalam aspek kawalan dalaman dan komponen hasil yang menyumbang kepada pungutan hasil tertinggi di jabatan.





# **PENGAUDITAN PEMATUHAN**

## **PEJABAT TANAH KUBANG PASU**

- PENGURUSAN HASIL CUKAI TANAH DAN TUNGGAKAN



## **PEJABAT TANAH KUBANG PASU**

### **1. PENGURUSAN HASIL CUKAI TANAH DAN TUNGGAKAN**

#### **FAKTA UTAMA**

**94,962**

Hak milik direkodkan dalam Sistem Urusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT) pada tahun 2020

**152,806**

Hak milik direkodkan dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkkomputer (SPTB) pada tahun 2020

**RM30.46 juta**

Hasil yang patut dikutip  
(Cukai Tanah Semasa & Tunggakan)

**RM 20.43 juta (67.1%)**

Kutipan sebenar  
(Cukai Tanah Semasa & Tunggakan)

#### **Akta dan Peraturan**

- Kanun Tanah Negara 1965  
(Akta 56/1965)
- Aturan Tanah Kedah 1966 Pindaan 2015
- Pekeliling oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri

## **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Pejabat Tanah Kubang Pasu (PTKP) bertanggungjawab menguruskan pendaftaran tanah, memungut hasil tanah, pembangunan tanah dan penguatkuasaan. Hasil utama PTKP terdiri daripada cukai tanah, pertaruhan dan premium tanah. Pengurusan hasil cukai tanah bagi PTKP adalah tertakluk kepada Akta Kanun Tanah Negara 1965, Aturan Tanah Kedah 1966 Pindaan 2015, pekeliling yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG Kedah).

1.2. PTKP menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkkomputer (SPTB) bagi urusan pendaftaran hak milik manakala Sistem Urusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT) digunakan bagi urusan pengeluaran bil cukai tanah dan kutipan hasil tanah. Selain itu, PTG Kedah juga membangunkan sistem e-Bayaran yang boleh diakses oleh pembayar cukai tanah untuk menyemak jumlah cukai yang perlu dibayar. PTG Kedah berperanan mengawal selia SUKHAT dan juga sistem e-Bayaran. Urusan pembayaran cukai tanah boleh dibuat secara dalam talian atau melalui Kaunter Hasil PTKP, PTG Kedah, Kaunter Cukai Tanah di Urban Transformation Centre (UTC) dan melalui pos.

1.3. Prestasi kutipan cukai tanah PTKP (cukai tahun semasa dan tunggakan) pada 31 Disember 2020 adalah 67.1%, iaitu RM20.43 juta daripada RM30.46 juta hasil yang patut dikutip seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PRESTASI KUTIPAN CUKAI DAN TUNGGAKAN CUKAI SEHINGGA 31 DISEMBER 2020**

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN HASIL</b>	<b>ANGGARAN HASIL (RM)</b>	<b>PATUT DIKUTIP (RM)</b>	<b>SEBENAR DIKUTIP (RM)</b>	<b>PRESTASI KUTIPAN SEBENAR DENGAN</b>	
					<b>SASARAN (%)</b>	<b>PATUT DIKUTIP (%)</b>
1.	Cukai Tanah Semasa	20,787,339.00	21,092,910.75	18,786,900.05	90.4	89.1
2.	Tunggakan Cukai Tanah	8,924,049.00	9,362,626.97	1,644,395.67	18.4	17.6
<b>JUMLAH</b>		<b>29,711,388.00</b>	<b>30,455,537.72</b>	<b>20,431,295.72</b>	<b>68.8</b>	<b>67.1</b>

Sumber: Laporan Prestasi Hasil PTKP Sehingga 31 Disember 2020

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan hasil tanah dan tunggakan cukai tanah telah diuruskan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1. Skop pengauditan meliputi pengurusan hasil cukai tanah dan tunggakan bagi tahun 2020. Semakan telah dibuat di Unit Hasil, PTKP terhadap 75 sampel daripada 94,962 hak milik yang direkodkan dalam SUKHAT.

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menganalisis data daripada SPTB dan SUKHAT yang diperoleh daripada Seksyen Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), PTG Kedah bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2020. Semakan Audit juga melibatkan rekod pentadbiran dan pengurusan hasil tanah PTKP. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta pemeriksaan fizikal turut dijalankan.

## **4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan 14 Mac 2021 hingga 8 April 2021. Maklum balas telah diterima pada 13 September 2021 dan perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 6 September 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

**4.1. Pengubahan Kategori Kegunaan Tanah Tanpa Permohonan Tukar Syarat Menyebabkan Kehilangan Hasil Berjumlah RM112,696.30 Setahun**

4.1.1. Mengikut seksyen 52 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, semua tanah yang diberi milik terbahagi kepada tiga kategori kegunaan tanah iaitu "pertanian", "bangunan", dan "industri". Semua pemilik tanah sepatutnya menggunakan tanah berkenaan mengikut kategori kegunaan tanah dan syarat nyata dalam hak milik.

4.1.2. Pemilik yang ingin menggunakan tanahnya untuk kategori selain daripada yang tercatat dalam hakmilik perlu mengambil tindakan untuk mengubah kategori kegunaan tersebut. Seksyen 124 dan 124A KTN dan juga Kaedah-Kaedah Tanah Negeri membolehkan pemilik berbuat demikian. Pihak Berkuasa Negeri akan mengenakan bayaran premium tambahan ke atas setiap permohonan tukar syarat yang diluluskan. Kegagalan pemilik berbuat demikian adalah melanggar syarat yang ditetapkan, dan Pihak Berkuasa Negeri boleh merampas balik tanah berkenaan mengikut peraturan tanah yang berkuat kuasa.

4.1.3. Semakan silang antara status kegunaan tanah dalam Sistem e-Bayaran PTG Kedah serta lawatan fizikal Audit mendapat **21 hak milik tanah telah menjalankan aktiviti perniagaan/perusahaan yang berbeza dengan status kegunaan tanah iaitu pertanian atau kediaman**. Semakan selanjutnya mendapat **tiada permohonan tukar status kegunaan tanah diterima oleh PTKP menyebabkan cukai yang dikenakan masih mengikut kadar pertanian atau kediaman. Perbezaan kadar ini menyebabkan PTKP telah kehilangan hasil sejumlah RM112,696.30 bagi tempoh setahun** seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PERBANDINGAN CUKAI TANAH MENGIKUT KADAR YANG DIKENAKAN**

BIL.	HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)	BERDASARKAN HAK MILIK (GERAN)		PENGUNAAN SEBENAR		ANGGARAN PERBEZAAN CUKAI TANAH (RM)
			STATUS TANAH	CUKAI TANAH (RM)	KATEGORI DAN KADAR CUKAI	ANGGARAN CUKAI TANAH IKUT KEGUNAAN SEBENAR (RM)	
1.	GM475	963	Padi	13.80	Perniagaan RM1/meter persegi	963.00	949.20
2.	GM476	1,064	Kampung	17.50		1,064.00	1,046.50
3.	GM477	1,158	Kampung	13.80		1,158.00	1,144.20
4.	GM1291	7,360	Getah	23.00		7,360.00	7,337.00
5.	GM505	4,400	Padi	10.00		4,400.00	4,390.00
6.	GM504	4,356	Padi	10.00		4,356.00	4,346.00
7.	GM368	8,420	Padi	10.00		8,420.00	8,410.00
8.	GM225	21,929	Buah-buahan	66.00		21,929.00	21,863.00

BIL.	HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)	BERDASARKAN HAK MILIK (GERAN)		PENGUNAAN SEBENAR		ANGGARAN PERBEZAAN CUKAI TANAH (RM)
			STATUS TANAH	CUKAI TANAH (RM)	KATEGORI DAN KADAR CUKAI	ANGGARAN CUKAI TANAH IKUT KEGUNAAN SEBENAR (RM)	
9.	GM409	11,533	Padi	13.00		11,533.00	11,520.00
10.	GM508	8,545	Padi	13.00		8,545.00	8,532.00
11.	GM720	8,271	Padi	13.00		3,308.40	3,295.40
12.	GM1712	19,480	Getah	59.00		7,792.00	7,733.00
13.	GM1182	14,150	Getah	43.00		5,660.00	5,617.00
14.	GM284	3,195	Buah-buahan	10.00		1,278.00	1,268.00
15.	GM285	9,073	Lain Tanaman	26.00	Industri RM0.40/meter persegi	3,629.20	3,603.20
16.	GM117	5,916	Kampong	15.00		2,366.40	2,351.40
17.	GM97	5,893	Padi	10.00		2,357.20	2,347.20
18.	GM101	4,323	Padi	10.00		1,729.20	1,719.20
19.	GM3388	16,455	Padi	25.00		6,582.00	6,557.00
20.	GM3381	17,598	Padi	27.00		7,039.20	7,012.20
21.	HSM3226	1,003.4	Banglo	352.00	Hotel RM2/meter persegi	2,006.80	1,654.80
<b>JUMLAH</b>				<b>780.10</b>		<b>113,476.40</b>	<b>112,696.30</b>

Sumber: PTKP

4.1.4. Perbezaan ini berlaku disebabkan pemantauan di peringkat pentadbiran tanah daerah tidak dilaksanakan dengan berkesan dalam menguatkuasakan Seksyen 124. Selain itu, PTKP tidak mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memantau Permit Bangunan Sementara yang mensyaratkan pengubahan syarat nyata tanah sebelum kelulusan Permit Bangunan Sementara diluluskan oleh PBT.

#### **Maklum Balas PTKP yang Diterima pada 13 September 2021**

Pihak PTKP akan membuat semakan ke atas lokasi dan akan mengambil tindakan mengeluarkan notis peringatan kepada pemilik tanah. Selain itu, PTKP juga akan bekerjasama dengan PBT pada masa akan datang bagi mengenal pasti permohonan-permohonan lesen baru bagi memudahkan Unit Penguatkuasaan membuat pemantauan. Disebabkan isu pandemik COVID-19, kekangan ini telah merencatkan pelaksanaan rancangan pemantauan oleh Unit Penguatkuasaan.

## **Maklum Balas PTKP yang Diterima pada 17 November 2021**

Siasatan yang dilakukan oleh PTKP mendapati kebanyakan pengusaha di tapak adalah merupakan penyewa dan subpenyewa. Sehubungan itu, kaedah pemberian permit langgar syarat berdasarkan seksyen 34(1), Kaedah Tanah Kedah (pindaan 2018) lebih sesuai digunakan bagi mengatasi isu ini. PTKP sedang berusaha menyediakan Laporan Am Tanah (LAT) bagi setiap kes yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) untuk tindakan seterusnya.

**Pernyataan Audit** | **Pemantauan yang kurang cekap menyebabkan syarat nyata kegunaan tanah dalam hak milik tidak dipatuhi dan seterusnya menyebabkan kehilangan hasil berjumlah RM112,696.30 kepada PTKP.**

### **5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel audit, dapat dirumuskan pengurusan hasil tanah dan tunggakan cukai tidak diuruskan dengan teratur di PTKP, khususnya melibatkan tindakan penguatkuasaan apabila berlaku pelanggaran syarat penggunaan tanah. Ini kerana berlaku kelemahan seperti tiada pemantauan ke atas penggunaan tanah dijalankan di daerah, tiada tindakan pengeluaran notis pelanggaran syarat tanah dan tiada penyelarasan di antara jabatan di peringkat daerah dalam menguatkuaskan pelanggaran syarat.

### **6. SYOR AUDIT**

Pejabat Tanah Kubang Pasu hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- 6.1. meningkatkan aktiviti pemantauan terhadap pemilik tanah yang tiada kelulusan Permohonan Tukar Syarat termasuk mengeluarkan notis peringatan kepada pemilik berkenaan; dan
- 6.2. mengadakan kerjasama dengan PBT yang berkaitan bagi memudahkan urusan pengesanan terhadap sebarang perubahan kegunaan tanah.





## **BAHAGIAN V**

# **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**



## **BAHAGIAN V**

### **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

#### **1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI DAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai akaun dan aktiviti Kerajaan negeri hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri (DUN) selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 3 telah dibentangkan di DUN pada 15 November 2020. Sehingga 31 Ogos 2021, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kedah serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Tahun 2019 belum dibentangkan di DUN.

#### **2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti awam di jabatan dan agensi negeri. Selaras dengan peranan ini, Jawatankuasa telah bermesyuarat dua kali pada tahun 2021 bagi membincangkan LKAN yang terkini, mengkaji isu Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh ketua jabatan dan agensi negeri. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 1**. Bagaimanapun, pada tahun 2020 tiada mesyuarat dijalankan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik Covid-19.

**JADUAL 1**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
<b>TAHUN 2021</b>			
1/2021	19 April 2021	-	Taklimat ringkas mengenai peranan dan fungsi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam berkaitan Laporan Ketua Audit Negara.
2/2021	26 April 2021	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	Pengurusan Hasil Pembalakan Negeri Kedah (Perenggan 1 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2)

Sumber: Jabatan Audit Negara





# PENUTUP



---

## PENUTUP

---

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2020 adalah baik kerana telah dapat diserahkan ke Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM357.08 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/ projek Kerajaan negeri. Prestasi dan pengurusan kewangan Kerajaan negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
22 November 2021**





# LAMPIRAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI KEDAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Negeri Kedah, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Kedah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Kedah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalam yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Kedah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Kedah.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Kedah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
